
LAPORAN TAHUNAN 2015 ANNUAL REPORT

Hab Pergerakan Produktiviti Negara


Hub for National Productivity Movement



MPC

Laporan Tahunan 2006-2014 |
2006-2014 Annual Report

1. 40 Tahun Usaha dan Iltizam untuk Negara | 40 Years of Commitment and Dedication to Our Nation
2. Laporan Tahunan MPC 2007 | MPC Annual Report 2007
3. Transformasi • Inovasi • Perkongsian | Transformation • Innovation • Partnership
4. Transformasi • Inovasi • Perkongsian | Transformation • Innovation • Partnership
5. Menerajui organisasi mencapai daya saing bertaraf dunia sebagai anjakan ke arah transformasi global | Leading organisations to attain world class competitiveness as the springboard for global transformation
6. Transformasi Ke Arah Daya Saing Global | Transformation for Global Competitiveness
7. Pemangkin Transformasi | Transformation Catalyst
8. Transformasi di Tahap yang Terbaik | Transformation at its Best
9. Membina Transformasi Organisasi | Architecturing Organisational Transformation





Produktiviti melalui inovasi merupakan penggerak kepada pertumbuhan sektor ekonomi seterusnya menjadi kunci kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Melihat kepada kepentingan ini, produktiviti dan inovasi akan menjadi elemen penting dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) bagi tahun 2016 hingga 2020 akan datang.

Konsep jaringan yang menghubungkan kesemua bulatan dan bertemu pada satu titik tengah menggambarkan MPC sebagai badan peneraju produktiviti negara yang akan terus menjalankan dan memperkukuhkan fungsinya sebagai hab menerajui dan menyelaras usaha meningkatkan potensi produktiviti melalui kolaborasi sektor awam dan swasta. Fungsi-fungsi MPC berfokus kepada pengumpulan dan penyebaran maklumat berhubung isu-isu dan amalan terbaik produktiviti, kualiti, daya saing dan inovasi. Dalam menjadikan usaha penyebaran maklumat ini lebih pantas dan efektif, MPC mengenal pasti dan mengiktiraf pakar dan jaguh produktiviti untuk membantu dalam penyebaran produktiviti secara menyeluruh di peringkat enterprais, industri dan negara.

Productivity through innovation is the driver for sectoral economic growth leading to being the thrust for the country's prosperity and the people well-being. Realising this significance, productivity and innovation will be the main elements in ensuring the success of the 11th Malaysia Plan (11MP) for the next 5-year period of 2016 till 2020.

The network concept that connects all circles and meets at the centre point reflects MPC as the nation's leading productivity organisation which will continue its endeavour and strengthen its functions as a hub in steering and coordinating initiatives to raise productivity potentials through public and private sectors collaborations. MPC functions are focused on gathering and disseminating information pertaining to issues and best practices in productivity, quality, competitiveness and innovation. In the quest to expedite and to increase the efficiency of information dissemination, MPC identifies and recognises productivity experts and champions throughout enterprises, industries and the country in facilitating productivity dissemination.

©2016

Hakcipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia.

All Rights Reserved
No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted, in any form or any means, electronics, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of Malaysia Productivity Corporation.

Isi Kandungan

Contents

04 Alamat Pejabat | Company Addresses

05 Visi, Misi dan Objektif | Vision, Mission and Objectives

06 Maklumat Korporat | Corporate Information

08 Perutusan Pengerusi | Chairman's Statement

14 Struktur Organisasi | Organisational Structure

16 Lembaga Pengarah | Board of Directors

19 Lembaga Pengurusan | Board of Management

20 Senarai Panel Perunding | List of Consultative Panels

24 Mewujudkan Asas yang Kukuh dan Persepsi Positif ke Arah Malaysia yang Kompetitif | Creating a Strong Foundation and Positive Perception for a Competitive Malaysia

30 Memacu Kecekapan Perniagaan | Driving Business Efficiency

42 Transformasi Pengetahuan ke arah Peningkatan Nilai Tambah | Knowledge Transformation towards Raising Added Value

48 Melestarikan Organisasi melalui Kecemerlangan Perniagaan | Sustaining Organisations through Business Excellence

54 Inovasi Enterprais Pemacu Peningkatan Produktiviti dan Inovasi | Enterprise Innovation Drives Productivity and Innovation

62 Pengurusan Sumber Manusia dan Organisasi | Human Resource and Organisation Management

78 Bersatu dalam Mengukuhkan Prestasi Mampan | Unity in Strengthening Sustainable Performance

86 Aktiviti-Aktiviti | Activities

92 Membawa Jalinan ke Arah Dimensi Baru | Networking towards New Dimension

100 Memperkemaskan Strategi Kewangan | Streamlining Financial Strategy

Alamat Pejabat
Company Addresses

IBU PEJABAT | HEADQUARTERS

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel. : +603-7955 7266
Faks | Fax : +603-7957 8068

Laman Web | Website : www.mpc.gov.my
e-mel | e-mail : marketing@mpc.org.my

Petaling Jaya

A-06-01, Level 6, Blok A, PJ 8
No. 23, Jalan Barat, Seksyen 8
46050 Petaling Jaya, Selangor

Tel. : +603-7960 0173 / 176 / 178 / 179
Faks | Fax : +603-7960 0211
e-mel | e-mail : marketing@mpc.gov.my

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH | REGIONAL OFFICES

Wilayah Utara | Northern Region

Beg Berkunci 206,
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 Kepala Batas
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Tel. : +604-575 4709
Faks | Fax : +604-575 4410
e-mel | e-mail : nro@mpc.gov.my

Wilayah Selatan | Southern Region

No. 8, Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor

Tel. : +607-237 7422 / 7644
Faks | Fax : +607-238 0798
e-mel | e-mail : sro@mpc.gov.my

Wilayah Pantai Timur | East Coast Region

Aras 7, Wisma TNB, Jalan Gambut
25000 Kuantan, Pahang

Tel. : +609-513 1788 / 1789
Faks | Fax : +609-513 8903
e-mel | e-mail : ecr@mpc.gov.my

Cawangan Wilayah Pantai Timur | East Coast Region Branch

- **Pejabat Terengganu | Terengganu Office**
  Lot No. 1F 22, Kompleks Usahawan Terengganu
  Kubang Jela, Manir
  21200 Kuala Terengganu, Terengganu

  Tel. : +609-615 6089
  Faks | Fax : +609-615 6081
  e-mel | e-mail : ecrt@mpc.gov.my

- **Pejabat Kelantan | Kelantan Office**
  Pejabat Negeri Kelantan
  Tingkat 3, Wisma PERKESO
  Jalan Kota Darul Naim
  15538 Kota Bharu, Kelantan

  Tel. : +609-741 6260 / 6262
  Faks | Fax : +609-741 6263
  e-mel | e-mail : ecrk@streamyx.com

Wilayah Sabah | Sabah Region

Level 2, MAA Tower
No. 6, Lorong Api-Api 1
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tel. : +6088-233 245 / 456 498
Faks | Fax : +6088-242 815
e-mel | e-mail : sbo@mpc.gov.my

Wilayah Sarawak | Sarawak Region

Lot 894, Lorong Demak Laut 3A
Taman Perindustrian Demak Laut
93050 Kuching, Sarawak

Tel. : +6082-439 959 / 960
Faks | Fax : +6082-439 969
e-mel | e-mail : sko@mpc.gov.my

Visi Vision

Organisasi utama dalam meningkatkan produktiviti untuk inovasi dan daya saing global.

The leading organisation in productivity enhancement for global competitiveness and innovation.

Misi Mission

Memberi perkhidmatan berkesan untuk mencapai prestasi cemerlang melalui inovasi ke arah meningkatkan taraf hidup.

To deliver high impact services towards achieving performance excellence through innovation for the betterment of life.

Objektif Objectives

- **Menyediakan maklumat mengenai produktiviti, kualiti, daya saing dan amalan-amalan terbaik melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan pangkalan data.**
- **Membangunkan modal insan dan kecemerlangan organisasi bagi membentuk masyarakat berasaskan pengetahuan melalui latihan, pembangunan sistem dan amalan terbaik.**
- **Menjalankan kajian semula peraturan dan promosi Amalan Baik Peraturan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif.**
- **Memupuk budaya kreatif dan inovatif demi produktiviti dan daya saing menerusi program jalinan kerjasama.**

- Providing value-added information on productivity, quality, competitiveness and best practices through research activities and databases.
- Developing human capital and organisational excellence for building a knowledge-based society through training, systems development and best practices.
- Conducting review on regulation and promoting Good Regulatory Practice (GRP) to create a more competitive business environment.
- Nurturing innovative and creative culture for productivity and competitiveness through partnership programmes.

Maklumat Korporat
Corporate Information

Perbadanan Produktiviti Malaysia ialah sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Malaysia Productivity Corporation is a federal statutory body under the Ministry of International Trade and Industry (MITI).

MPC telah ditubuhkan sebagai Pusat Daya Pengeluaran Negara pada tahun 1962, iaitu satu projek bersama Dana Khas Bangsa-bangsa Bersatu dan Kerajaan Persekutuan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebagai agensi pentadbir.

Pusat Daya Pengeluaran Negara menjadi sebuah Badan berautonomi melalui Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19 pada tahun 1966. Akta ini telah dipinda oleh Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) Akta A305 1975, sesuai dengan perkembangan Pusat ini.

Majlis Daya Pengeluaran Negara telah dinamakan Perbadanan Produktiviti Negara pada 1 Disember 1991 apabila Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) Akta A801 dikuatkuasakan.

Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 sekali lagi dipinda dan disebut sebagai Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966. Nama baru telah diwartakan pada 21 Februari 2008. Pindaan ini adalah bertujuan untuk memperjelaskan status Perbadanan tersebut sebagai suatu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan produktiviti Negara, khususnya kepada masyarakat antarabangsa.

Kerja-kerja Perbadanan berdasarkan peruntukan Seksyen 7 Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia, 1966 adalah:

MPC was established in 1962 as a joint project between the United Nations Special Fund and the Federal Government, with the International Labour Organisation (ILO) acting as its executing agency.

In 1966, the National Productivity Council (Incorporation) Act No. 19 was passed making the Centre an autonomous body. It was later amended as the National Productivity Council (Incorporation) (Amendment) Act A305 1975, to cater for expansion of the Centre's role.

National Productivity Council was renamed as National Productivity Corporation on 1 December 1991 through the amendment of the National Productivity Centre (Incorporation) (Amendment) A801 Act.

The National Productivity Corporation (Incorporation), 1966 Act was amended once again as the Malaysia Productivity Corporation (Incorporation) Act, 1966. The new name was gazetted on 21 February 2008. The objective of the amendment was to highlight the status of the Corporation as the government body in all aspects related to the nation's productivity, and in particular, to the international community.

The functions of the Corporation as provided in accordance with the provision under Section 7 of the Malaysia Productivity Corporation (Incorporation) Act, 1966 are as follows:

- **Menerajui** pengalakkan dan penyebaran maklumat dan isu-isu yang berhubungan dengan Produktiviti;
- **Menubuhkan** satu pusat maklumat dan rujukan bagi indeks Produktiviti bagi negara dan bagi sistem-sistem pengurusan dan kajian kes;
- **Mengeluarkan** pakar dan kepakaran tempatan dalam bidang Produktiviti, Kualiti, Pengurusan dan Keusahawanan;
- **Mempertingkatkan** pembangunan sumber manusia pada peringkat penyeliaan dan peringkat pengurusan kedua-duanya dalam negara;
- **Menasihati** dan **menyelaraskan** pelaksanaan program-program dan akitiviti-aktiviti yang berhubungan dengan produktiviti dan kualiti;
- **Menilai** dan **memperakui** program-program penyeliaan dan latihan Pengurusan, program-program Keusahawanan dan program-program Produktiviti dan Pengurusan Kualiti yang dijalankan oleh sektor swasta bagi orang awam;
- **Menjalankan** latihan atau program-program lain yang berhubungan dengan Produktiviti, Kualiti, Pengurusan dan Keusahawanan;
- **Mengadakan** perkhidmatan rundingan yang berhubung dengan Produktiviti, Kualiti, Pengurusan dan Keusahawanan;
- **Mengumpul, mengeluar** dan **menerbit** maklumat mengenai Produktiviti, Kualiti, Pengurusan, Keusahawanan dan hal-hal lain yang berhubungan;
- **Menjalankan** usaha-usaha perniagaan bagi maksud menunaikan kerja-kerjanya di bawah Akta ini dengan kelulusan Menteri;
- **Memberikan** laporan setiap tahun kepada Menteri mengenai kemajuan dan masalah-masalah meningkatkan Produktiviti dalam perdagangan dan industri dalam negara dan membuat syor-syor mengenai cara bagaimana masalah-masalah itu boleh diuruskan; dan
- **Membuat** semua perkara dan benda yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penunaian kerja-kerjanya di bawah Akta ini.

- **To lead** in the promotion and dissemination of productivity related information and issues;
- **To establish** an information and reference centre for productivity indices for the country, and for management system and case studies;
- **To generate** local expertise in the field of productivity, quality, management and entrepreneurship;
- **To enhance** the development of human resource both at the supervisory and management levels in the country;
- **To advise** and **coordinate** the implementation of programmes and activities related to productivity and quality;
- **To assess** and **certify** supervisory and management training programmes, entrepreneurship programmes, and productivity and competitiveness management programmes conducted by the private sector for the public;
- **To conduct** training or other programmes relating to productivity, quality, management and entrepreneurship;
- **To provide** consultancy services related to productivity, quality, management and entrepreneurship;
- **To collect, produce** and **publish** information on productivity, quality, management and entrepreneurship and other related matters;
- **To carry** out business undertakings for the purpose of discharging its functions under this Act, with the approval of the Minister;
- **To report** annually to the Minister on the progress and issues of raising productivity in commerce and industry in the country and to make recommendations on the manner in which such issues may be dealt with; and
- **To perform** all matters and things as may be incidental to or consequential upon the discharge of its functions under this Act.

Perutusan Pengerusi
Chairman's Statement



Tan Sri Azman Hashim
Pengerusi | Chairman

2015 adalah penting bagi Malaysia kerana ia merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10: 2011-2015). Produktiviti dan inovasi telah dikenal pasti sebagai faktor penting untuk pertumbuhan ekonomi. Cabaran ekonomi global telah menjadikan pertumbuhan produktiviti dan inovasi sebagai kunci untuk memastikan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Pendekatan dalam meningkatkan produktiviti negara menyasarkan sektor awam, industri dan enterprais untuk bekerjasama dalam kolaborasi strategik dan inovatif bagi menangani isu-isu pelaksanaan terutamanya. MPC akan meneruskan peranannya dalam agenda meningkatkan potensi produktiviti seperti yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11: 2016-2020). Pelan Pembangunan Produktiviti Malaysia yang akan datang akan menyediakan pelaksanaan berpandu dan mempercepatkan peningkatan produktiviti di peringkat enterprais, negara dan industri.

2015 was significant for Malaysia as it was the final year of the 10th Malaysia Plan (10MP: 2011-2015). Productivity and innovation have been identified in the Plan as the important factors for economic growth. The global economic challenges have made productivity growth and innovation as the keys to ensure the Nation's prosperity and people's well-being. The approach in enhancing productivity of the country has targeted public sector, industries and enterprises to come together in strategic and innovative collaboration to tackle mainly on implementation issues. MPC will continue its role in facilitating the agenda of unlocking the potential of productivity as laid out in the 11th Malaysia Plan (11MP: 2016-2020). The forthcoming Malaysia Productivity Blueprint will provide guided implementation and accelerate productivity improvements at national, industry and enterprise levels.

MELONJAK DAYA SAING MALAYSIA KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI

Daya saing telah ditakrifkan sebagai matlamat institusi, dasar dan faktor dalam menentukan tahap produktiviti sesebuah negara. Tahap produktiviti, seterusnya menetapkan tahap kemakmuran yang boleh dicapai oleh ekonomi. Berdasarkan laporan daya saing dunia, Malaysia pada tahun 2015 telah maju sebanyak dua kedudukan untuk menjadi ekonomi ke-18 paling berdaya saing di dunia berbanding 140 negara dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2015-2016 (GCR 2014-2015: 20/144) yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF). Sementara itu, Laporan Daya Saing Dunia (WCY) 2015 oleh Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan (IMD) telah mengiktiraf Malaysia sebagai ekonomi ke-14 paling berdaya saing dalam kalangan 61 ekonomi (WCY 2014: 12/60).

Kajian daya saing di peringkat negeri telah memasuki edisi kedua dengan penerbitan Laporan Daya Saing Malaysia (MCR) 2014-2015. Kajian ini membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan serta menjadi sumber rujukan pihak yang berkepentingan untuk membangunkan strategi ke arah daya saing dan kemakmuran ekonomi.

MENERAJUI KAJIAN SEMULA PERATURAN PERNIAGAAN

Sokongan kepada Amalan Baik Peraturan (GRP) menyokong pembaharuan tadbir urus awam Malaysia yang lebih meluas yang menggalakkan pembuatan keputusan yang lebih kukuh berasaskan bukti, lebih inklusif dan penyampaian bertumpukan kepada pengguna serta penyelarasan yang lebih berkesan dalam Kerajaan. Dalam tempoh RMK-10, MPC telah diberi mandat untuk menerajui kajian semula yang komprehensif berkaitan dengan peraturan-peraturan perniagaan dan untuk melaksanakan proses penambahbaikan dan prosedur ke arah produktiviti dan daya saing yang lebih tinggi dengan memberi tumpuan kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Kajian menggunakan metodologi dan rangka kerja Mengurangkan Beban Peraturan yang Tidak Perlu (RURB) telah menghasilkan jumlah penjimatan kos pematuhan sebanyak RM4 juta pada tahun 2015. Selain itu, MPC menerima sejumlah 54 cadangan untuk semakan semula peraturan daripada kementerian dan agensi di mana 28 cadangan telah dikenal pasti untuk melalui proses Analisa Impak Peraturan (RIA). Program Pemodenan Lesen Perniagaan merupakan satu lagi inisiatif strategik untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam dan kemudahan menjalankan perniagaan ke arah menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing di negara ini.

ELEVATING MALAYSIA'S COMPETITIVENESS TO A HIGHER LEVEL

Competitiveness has been defined as the goal of institutions, policies and factors in determining the level of productivity of a country. The level of productivity, in turn sets the level of prosperity that can be earned by an economy. Based on world competitiveness reports, Malaysia in 2015 has advanced by two positions to become the 18th most competitive economy in the world out of 140 economies in the Global Competitiveness Report (GCR) 2015-2016 (GCR 2014-2015: 20/144), published by the World Economic Forum (WEF). Meanwhile, the World Competitiveness Yearbook (WCY) 2015 by International Institute for Management Development (IMD) has recognised Malaysia as the 14th most competitive economy among 61 economies (WCY 2014: 12/60).

The competitiveness study at state levels entered its second edition with the publication of Malaysia Competitiveness Report (MCR) 2014-2015. This study enables State Governments to identify their respective strengths and opportunities for improvement as well as becoming a source of reference for stakeholders to develop strategy towards economic competitiveness and prosperity.

LEADING REVIEW OF BUSINESS REGULATIONS

Advocating for Good Regulatory Practice (GRP) supports Malaysia's broader public governance reforms that encourage stronger evidence-based decision making, more inclusive and user-centred delivery as well as greater coordination inside of Government. During the 10MP, MPC was given the mandate to lead a comprehensive review pertaining to business regulations and to implement improvement processes and procedures towards greater productivity and competitiveness with emphasis on the National Key Economic Area (NKEA).

Studies using the Reducing Unnecessary Regulatory Burden (RURB) methodology and framework have yielded the intended results of total compliance cost savings of RM4 million in 2015. In addition, MPC has received a total of 54 proposals for review of regulations from ministries and agencies where 28 of these proposals were identified to go through the Regulatory Impact Analysis (RIA) process. The Modernising Business Licencing programme was another strategic initiative to increase efficiency of the public delivery system and ease of doing business towards providing a more conducive and competitive business environment in the country.

Inisiatif ini dijalankan dan dipantau oleh MPC sebagai sebahagian daripada projek nasional yang mengintegrasikan pendaftaran dan pelesenan. Hasil dari projek ini telah membawa kepada penerbitan Manual Piawaian Pelesenan yang mana telah dicadangkan untuk dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam negara.

PEMBELAJARAN MELALUI PERKONGSIAN

Pengetahuan mengenai produktiviti dianggap sebagai input penting ke arah mencapai misi, visi dan objektif MPC. Pada tahun 2015, 6 penyelidikan pengetahuan dan analisa penandaarasan berkaitan produktiviti dalam bentuk kajian industri telah berjaya dihasilkan. Di samping itu, 10 siri *Competitiveness Champion Programme* telah diadakan di seluruh negara untuk menyebarkan maklumat berhubung dengan prestasi daya saing negara, inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan pembangunan serta cabaran ekonomi semasa.

Maklumat mengenai amalan terbaik diperoleh daripada lawatan penandaarasan ke organisasi dan didokumentasikan untuk rujukan industri. Pada tahun 2015, sebanyak 33 artikel telah diterbitkan sebagai amalan terbaik yang diambil daripada pelaksanaan projek Pengurusan Lean dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC). Perkongsian amalan terbaik yang sama juga telah dijalankan melalui platform lain seperti Forum CEO Kecemerlangan Perniagaan, Konvensyen *Team Excellence* dan *Creanova Lean*.

PEMANTAUAN PRODUKTIVITI

Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC) ditubuhkan di bawah Pelan Pembangunan PKS Kebangsaan pada 2015, dengan MPC sebagai sekretariat untuk memantau projek di bawah 4 model perkongsian strategik oleh pelbagai agensi pelaksana dan untuk mengukur kesannya terhadap produktiviti menggunakan alat *Productivity Gain Measurement* (PGM). Secara umumnya, kesan projek-projek intervensi ini diukur daripada segi pengurangan kos melalui penghapusan pembaziran, peningkatan dalam jumlah pengeluaran serta peningkatan dalam jualan dan keuntungan. PGM juga mengenal pasti peluang penambahbaikan dan syarikat-syarikat yang terbaik dalam pelaksanaan inisiatif produktiviti dan inovasi. Majlis ini juga perlu memastikan manfaat daripada projek-projek ini akan memberi impak kepada produktiviti di peringkat sektoral dan negara.

The initiative was conducted and monitored by MPC as part of a national project that integrates registration and licensing. The outcome of this project led to the publication of Licensing Standard Manual which has been proposed for implementation by all local authorities in the country.

LEARNING THROUGH SHARING

Knowledge on productivity is deemed to be an important input towards achieving mission, vision and objectives of MPC. In 2015, 6 productivity knowledge research and benchmarking analysis in the form of industry studies were produced. In addition, 10 series of Competitiveness Champion Programme were held throughout the country to disseminate information related to the country's competitiveness performance, improvement initiatives undertaken by the Government as well as current economic development and challenges.

Information on best practices were sourced from visits to benchmark organisations and documented for industry reference. In 2015, a total of 33 articles were published as best practices extracted from the implementation of Lean Management and Innovative and Creative Circle (ICC) projects. Similar sharings of best practices were also carried out through other platforms such as Business Excellence CEO Forum, Team Excellence Convention and Lean Creanova.

PRODUCTIVITY OVERSIGHT

The National Oversight Productivity Council (NOPC) was established under the National SME Development Plan in 2015, with MPC being the Secretariat to monitor projects under the 4 strategic partnership models by various implementing agencies and to measure their impact on productivity using the Productivity Gain Measurement (PGM) tool. In general, the impact of these intervention projects is measured in terms of cost reduction through elimination of wastage, increase in total production as well as increase in sales and profit. PGM also identifies further opportunities for improvement and best-in-class companies on the implementation of productivity and innovation initiatives. The Council is tasked to ensure from these projects will have an impact on productivity at sectoral and national levels.

Sehingga akhir Disember 2015, sejumlah 298 projek telah berjaya dipadankan melalui Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN), 150 organisasi telah diaudit oleh Perkongsian SIRIM-Fraunhofer dan 30 projek telah dilaksanakan melalui Yayasan AIM-Steinbeis Malaysia. Platform keempat, PlatCOM Ventures telah menerima 37 organisasi, 23 pemindahan harta intelek yang mana telah membawa kepada pengkomersilan dua inovasi.

PENILAIAN DAN KECEMERLANGAN PRESTASI ORGANISASI

Tahap kecemerlangan prestasi organisasi diukur menggunakan beberapa alatan berasaskan prinsip seperti Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF), Persekitaran Berkualiti (QE) dan Pengurusan Lean. Pada tahun 2015, MPC telah menganjurkan 12 kursus pembangunan kapasiti kecemerlangan perniagaan bagi pengamal, penilai dan perunding yang melibatkan 276 peserta dari sektor awam dan swasta. Berkait rapat dengan inisiatif pembangunan kapasiti ini, sebanyak 64 organisasi telah mengguna pakai MBEF sebagai alat penilaian untuk menilai tahap prestasi dan mengenal pasti peluang penambahbaikan ke arah kelestarian organisasi. Pada masa yang sama, 656 organisasi telah diberi persijilan QE manakala 7 buah universiti awam telah diaudit bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menilai kesediaan mereka untuk diberikan status autonomi.

Pada masa yang sama, MPC terus menilai pencapaian projek-projek inovasi oleh pelbagai organisasi melalui pembentangan di Konvensyen Kecemerlangan Berpasukan Kebangsaan semasa Persidangan dan Ekspo Produktiviti & Inovasi Tahunan (APIC) 2015. Sebanyak 218 kumpulan dari 158 organisasi telah mengambil bahagian dalam konvensyen kebangsaan dan jumlah penjimatan kos sebanyak RM195 juta telah direkodkan. Lanjutan dari itu, MPC juga telah menyelaraskan pasukan-pasukan terbaik negara untuk mengambil bahagian dalam beberapa konvensyen antarabangsa pada tahun 2015. Pada *International Convention on Quality Control Circles* (ICQCC) di Gyeongnam, Korea, daripada 33 pasukan dari Malaysia, 13 telah dianugerahkan pingat emas, 12 perak dan 8 gangsa. Dan, semasa *International Exposition on Team Excellence* (IETEX) di Singapura, daripada 15 pasukan yang mewakili Malaysia, 6 pasukan telah dianugerahkan 3 bintang dan 9 pasukan dianugerahkan 2 bintang. Dalam kalangan pasukan yang menerima anugerah 3 bintang, dua pasukan telah menerima Anugerah Pasukan Terbaik platinum dan emas.

Until the end of December 2015, a total of 298 projects was successfully matched through the Public-Private Research Network (PPRN), 150 organisations were audited by SIRIM-Fraunhofer Partnership and 30 projects have been duly completed through AIM-Steinbeis Malaysia Foundation. The fourth platform, PlatCOM Ventures has accepted 37 organisations, 23 intellectual property transfers which led to the commercialisation of two innovations.

ORGANISATIONAL ASSESSMENT AND PERFORMANCE EXCELLENCE

Organisational performance excellence is measured using several principle-based tools such as Malaysia Business Excellence Framework (MBEF), Quality Environment (QE) and Lean Management. In 2015, MPC has organised 12 business excellence capacity building courses for practitioners, assessors and consultants involving 276 participants from public and private sectors. Linked closely with the capacity building initiative, a total of 64 organisations has used MBEF as the assessment tool to evaluate their respective performance and to identify opportunities for improvement towards organisational sustainability. At the same time, a record of 656 organisations has been certified with QE while 7 public universities were audited on behalf of the Ministry of Higher Education to evaluate their readiness to be accorded with autonomy status.

At the same time, MPC continues to assess the achievement of innovation projects by various organisations through presentation at the National Team Excellence Convention during Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition (APIC) 2015. A total of 218 circles from 158 organisations took part in the national convention and a total cost savings of RM195 million was recorded. In addition, MPC has also coordinated for the national top performance teams to participate in several international conventions in 2015. At the International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) in Gyeongnam, Korea, out of 33 teams from Malaysia, 13 were awarded gold, 12 silver and 8 bronze. Moreover, during the International Exposition on Team Excellence (IETEX) in Singapore, out of 15 teams representing Malaysia, 6 teams were awarded 3 stars and 9 teams were awarded 2 stars. Among the teams that received the 3 stars awards, two were presented with platinum and gold Top Teams Awards.

Di samping itu, 3 pasukan telah diterima untuk membentangkan projek-projek mereka di A*SQ International Team Excellence Award* (ITEA) di Nashville, Tennessee. Dalam majlis yang sama, En. Azman Shah Mohamed Noor dari Sime Darby Berhad telah dianugerahkan *Edwards Medal* di atas kepimpinan cemerlang beliau dalam penggunaan praktikal kaedah moden kawalan kualiti.

PEMBANGUNAN SISTEM DAN KAPASITI

Peningkatan produktiviti enterprais dibuat melalui pembangunan sistem berasaskan rangka kerja dan program pembangunan kapasiti. Program Intervensi Inovasi Enterprais (EIIP) adalah rangka kerja pelaksanaan yang digunakan untuk memandu organisasi ke arah meningkatkan kecekapan, pembangunan pengetahuan dan kemahiran, mencipta dan pelaksanaan strategik sistem untuk produktiviti, inovasi dan daya saing yang lebih tinggi. Sejumlah 108 program EIIP telah dilaksanakan, melepasi sasaran 75 program yang ditetapkan pada awal tahun 2015. Bagi program pembangunan kapasiti, sebanyak 405 kursus telah dijalankan, merekodkan seramai 7,601 peserta dari 830 organisasi.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2015, MPC telah mengumpulkan jumlah pendapatan sebanyak RM52,067,990 yang mana RM38,479,836 adalah dari Geran Kerajaan Persekutuan dan RM13,588,154 adalah daripada pendapatan dalaman. Secara umumnya, pendapatan dalaman telah dijana daripada pelbagai aktiviti teras seperti yuran latihan dan pembangunan sistem, persijilan, konvensyen, penyelidikan dan sewaan asrama dan dewan. Daripada jumlah geran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, RM3,310,171 telah digunakan untuk program-program Amalan Baik Peraturan (GRP) termasuk Mengurangkan Beban Peraturan Yang Tidak Perlu (RURB), Pemodenan Lesen Perniagaan dan Analisa Impak Peraturan (RIA). Perbelanjaan MPC pada 2015 adalah RM52,797,688, berbanding dengan RM58,169,578 pada tahun 2014. Pengurangan sebanyak 9% dalam perbelanjaan adalah disebabkan oleh pelbagai langkah penjimatan terhadap aktiviti keseluruhan bagi mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

KOLABORASI STRATEGIK BAGI PRESTASI PRODUKTIVITI YANG KUKUH

MPC terlibat dalam kerjasama sektor awam-swasta dalam bentuk Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) di mana MPC merupakan sekretariat utama.

In addition, 3 teams were accepted to present their projects at the ASQ International Team Excellence Award (ITEA) in Nashville, Tennessee. At the same event, Mr. Azman Shah Mohamed Noor from Sime Darby Berhad was also awarded with the Edwards Medal for his outstanding leadership in the practical use of modern methods of quality control.

SYSTEM DEVELOPMENT AND CAPACITY BUILDING

Enterprise productivity enhancement is executed through framework-based system development and hands-on capacity building programmes. The Enterprise Innovation Intervention Programme (EIIP) is the implementation framework used to steer organisations towards raising their efficiency, knowledge and skills development, system design and strategic implementation for higher productivity, innovation and competitiveness. A total of 108 EIIP programmes was undertaken surpassing the target of 75 programmes set in the beginning of 2015. As for capacity building programmes, a total of 405 courses was conducted, recording a total of 7,601 participants from 830 organisations.

FINANCIAL PERFORMANCE

In 2015, MPC has accumulated a total income of RM52,067,990 of which RM38,479,836 from the Federal Government Grants and RM13,588,154 from internal income. Generally, internal income was generated from various core activities such as fees from training and system development, certification, convention, research and rental of hostels and halls. Out of the total amount of grant received from the Federal Government, RM3,310,171 was used for Good Regulatory Practice (GRP) programmes which included Reducing Unnecessary Regulatory Burden (RURB), Modernising Business Licencing and Regulatory Impact Analysis (RIA). MPC's expenditure in 2015 was RM52,797,688, compared to RM58,169,578 in 2014. The reduction of 9% in the expenditure was due to various budget recalibration measures on our overall activities in compliance with the guidelines issued by the Government.

STRATEGIC COLLABORATION FOR STRONG PRODUCTIVITY PERFORMANCE

MPC is involved in public-private sector collaboration in the form of The Special Task Force to Facilitate Business (PEMUDAH) where MPC is the main Secretariat.

Kolaborasi melalui kumpulan kerja, pasukan petugas dan kumpulan fokus terdiri daripada anggota dari pelbagai agensi dan persatuan yang ditubuhkan untuk meningkatkan daya saing Malaysia dan khususnya memastikan persekitaran perniagaan yang produktif.

PEMUDAH juga ditugaskan untuk menerajui usaha meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Laporan *Doing Business* Bank Dunia. Dalam Laporan *Doing Business* 2016, Malaysia berada di kedudukan ke-18 daripada 189 ekonomi, meletakkan Malaysia dalam kalangan 10% teratas ekonomi paling mudah menjalankan perniagaan. PEMUDAH akan terus bekerjasama dengan Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC), Bank Dunia untuk mengkaji bidang sasaran yang perlu diperbaiki bagi memastikan Malaysia adalah mesra enterprais dalam menjalankan perniagaan.

Kerjasama antarabangsa dengan rakan strategik MPC seperti *International Institute for Management Development* (IMD), *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), Bank Dunia dan *Asian Productivity Organisation* (APO) dimanfaatkan oleh warga dan rakan MPC untuk pemindahan pengetahuan dan kemahiran berkenaan alatan dan teknik peningkatan produktiviti. MPC telah dipilih untuk menjadi tuan rumah *ASEAN-OECD Good Regulatory Practice (GRP) Conference* pada Mac 2015 dengan tujuan untuk mengukuhkan integrasi ekonomi serantau.

PENGHARGAAN

MPC amat bergantung kepada keupayaan sumber manusia dan sokongan daripada rakan-rakan yang terdiri daripada pengamal, perunding dan penilai produktiviti dalam memastikan 4 objektif MPC dapat dicapai seiring dengan aspirasi negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah MPC, Pengerusi dan Ahli-ahli Panel Perundingan, pasukan petugas, pihak pengurusan dan warga MPC di atas dedikasi, komitmen dan kerja keras mereka. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terhadap sumbangan semua rakan kerjasama MPC dalam usaha mencapai produktiviti yang lebih tinggi sepanjang tahun 2015. Bimbingan dan sokongan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah tidak ternilai dan kami berharap dapat berkhidmat demi kepentingan semua pihak pada tahun-tahun akan datang.

Collaborations via working groups, task forces and focus groups comprising members from multiple agencies and associations were established to improve Malaysia's competitiveness and, in particular, ensuring a productive business environment.


PEMUDAH is also tasked to lead the effort to improve Malaysia's ranking in the World Bank Doing Business Report. In the Doing Business 2016 Report, Malaysia was ranked at 18th out of 189 economies, placing Malaysia among the top 10% economy for ease of doing business. PEMUDAH will continue its collaboration with the World Bank International Finance Corporation (IFC) to study targeted areas which require improvement so as to ensure that Malaysia is enterprise-friendly on doing business.

International collaborations with MPC strategic partners such as International Institute for Management Development (IMD), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), World Bank and Asian Productivity Organisation (APO) are leveraged upon by MPC personnel and associates for knowledge and skill transfer productivity improvement tools and technique. MPC was selected to host the ASEAN-OECD Good Regulatory Practice (GRP) Conference in March 2015, with the objective of strengthening regional economic integration.


ACKNOWLEDGEMENT

MPC relies heavily on its human resource capabilities and support from associates comprising productivity practitioners, consultants and assessors in ensuring the 4 objectives of MPC are achieved in tandem with the national aspiration. I would like to thank the MPC Board of Directors, Chairman and Members of Consultative Panels, Taskforces, MPC management team and all staff for their dedication, commitment and hard work. I would also like to put on record the contribution of all partners collaborating with MPC in the quest for higher productivity throughout 2015. The guidance and support from the Ministry of International Trade and Industry are invaluable and we look forward to serve the interest of all key stakeholders for many years to come.

Struktur Organisasi
Organisational Structure



Audit Dalaman | Internal Audit (IA)



Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing | Productivity and Competitiveness Development (PCD)

- Perhubungan Antarabangsa | International Relation (ITR)
- Khidmat Pelanggan and Media | Media and Customer Service (MCS)
- Pemasaran | Marketing (MKTG)
- Inovasi dan Transformasi Perniagaan | Business Transformation and Innovation (BTI)
- PEMUDAH (PMD)
- Peraturan Bestari | Smart Regulation (SR)
- Daya Saing Global | Global Competitiveness (GC)
- Pengurusan Pengetahuan | Knowledge Management (KM)

Lembaga Pengarah
Board of Directors









1 2 3 4 5 6 7

1. **YBhg. Tan Sri Azman Hashim**
   Pengerusi, Perbadanan Produktiviti Malaysia | Chairman, Malaysia Productivity Corporation
2. **YBhg. Dato' Nik Rahmat Nik Taib**
   Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | Deputy Secretary-General (Industry), Ministry of International Trade and Industry (MITI)
3. **YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur**
   Pengerusi dan Pengarah Urusan | Chairman and Managing Director, Itco Niaga Sdn Bhd
4. **YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak**
   Penyandang Kursi Kepimpinan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | Chair of Islamic Leadership, Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia
5. **YBhg. Tan Sri Dato' Azman Shah Dato' Seri Harun**
   Pengerusi, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia | Chairman, Malaysian Employers Federation (MEF)
6. **YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim**
   Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia | Secretary-General, Ministry of Human Resources
7. **YBhg. Dato' Zamzuri Abdul Aziz**
   Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan | Deputy Director of Budget, Ministry of Finance

8. **YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail**
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia | Director-General of Higher Education, Ministry of Education Malaysia

9. **YBhg. Datuk Ahmad Loman**
Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Secretary Policy Division and Strategic Planning, Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry

10. **Pn. Zakiah Jaafar**
Pengarah, Seksyen Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri | Director, Macroeconomics Section, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department

11. **YBhg. Dato' Muhamad Noor Yacob**
Pengerusi, Institut Automotif Malaysia | Chairman, Malaysia Automotive Institute (MAI)

12. **YBhg. Datuk Abang Hj. Abdul Karim Tun Abang Hj. Openg**
Presiden | President, C/O Brooke Dockyard and Engineering Works Corporation

13. **YBhg. Datuk Ag. Buhtamam Ag. Mahmun**
Pengerusi Eksekutif | Executive Chairman, Sedafiat Sdn Bhd

14. **YBhg. Dato' Dr. Haminnuddin Hj. Abd. Hamid**
Pengasas/Ketua Eksekutif | Founder/Chief Executive, Ideal Healthcare Sdn Bhd

15. **En. A. Balasubramaniam**
Timbalan Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia | Deputy Secretary-General, Malaysian Trade Union Congress

16. **YBhg. Dato' Mohd Razali Hussain**
Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia | Director-General, Malaysia Productivity Corporation

■ **Pn. Hjh. Roseleena Hashim**
Setiausaha Perbadanan | Corporate Secretary





















8 9 10 11 12 13 14 15 16

Ahli Ganti
Alternate Members

1. **YBhg. Datuk Hj. Azini Mohd Shahid**
   Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Deputy Secretary-General, Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry

2. **En. Khoo Boo Seng**
   Pengarah Kanan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | Senior Director Strategic, Ministry of International Trade and Industry

3. **Pn. Nik Rozelin Nik Ramzi Shah**
   Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri | Deputy Director-General, Macroeconomics Section, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department

4. **En. Kua Abun**
   Setiausaha Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia | Secretary Policy Division, Ministry of Human Resources

5. **Pn. Rozita Hj. Ali**
   Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan | Chief Assistant Secretary, Government Procurement Department, Ministry of Finance

Senarai Ketua Pengarah MPC
List of MPC Director-Generals

1963 - 1965
En. S. A. Abishegam

1965 - 1980
Dato' Hj. Abu Kassim Hj. Mohamed

1981 - 1994
Ir. Hj. Arshad Hj. Marsidi

1995 - 2000
Tan Sri Hj. Ismail Adam

2000 - 2003
Ir. Hj. Mah Lok Abdullah

2003 - September 2009
Dato' Nik Zainiah Nik Abdul Rahman

KINI | Present
Dato' Mohd Razali Hussain

Senarai Mesyuarat Lembaga Pengarah
List of BOD Meetings

1. **19 Mac | March 2015**
2. **11 Jun | June 2015**
3. **10 September 2015**
4. **3 Disember | December 2015**

Lembaga Pengurusan
Board of Management









1. **YBhg. Dato' Mohd Razali Hussain**
   Ketua Pengarah | Director-General
2. **YBhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman**
   Timbalan Ketua Pengarah | Deputy Director-General
3. **Tn. Hj. Ab. Rahim Yusoff**
   Timbalan Ketua Pengarah | Deputy Director-General
4. **Tn. Hj. Burhanuddin Saidin**
   Pengarah | Director
5. **En. Kamaruddin Mohamad**
   Pengarah | Director
6. **En. Nik Mustafa Raja Salleh**
   Pengarah | Director
7. **Pn. Hjh. Rauzah Zainal Abidin**
   Pengarah | Director







Senarai Panel Perunding
List of Consultative Panels



PERTANIAN | AGRICULTURE ■ KESIHATAN | HEALTHCARE ■ PERKILANGAN | MANUFACTURING ■ PEMBINAAN | CONSTRUCTION ■ KREATIVITI DAN INOVASI | CREATIVITY AND INNOVATION ■ KUALITI KEHIDUPAN BEKERJA | QUALITY OF WORKING LIFE ■ PELANCONGAN | TOURISM

PERTANIAN ■ Agriculture

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. TAN SRI SABRI AHMAD : Felda Global Ventures Holdings Berhad

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. PROF. DATUK DR. MAD NASIR SHAMSUDIN : Universiti Putra Malaysia ■ **YBHG. DATO' LEE YEOW CHOR** : IOI Corporation Berhad ■ **YBHG. DATO' HJ. ALIASAK HJ. AMBIA :** Koperasi Ladang Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Berhad ■ **YBHG. DATO' WAN DARMAN WAN ABDULLAH :** Jabatan Pertanian Malaysia | Department of Agriculture Malaysia ■ **TN. HJ. MUHAMMAD ARIFF HJ. ARIFFIN :** TH Plantations Berhad ■ **EN. MUHAMMAD SALIMI SAJARI :** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Ministry of Agriculture and Agro-based Industry ■ **PN. NORMAH OMAR :** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia | Malaysian Agricultural Research and Development Institute ■ **EN. MUSTAMIR MOHAMAD :** Sime Darby Berhad ■ **EN. CHUA PIAK CHWEE :** International Tropical Fruits Network ■ **EN. MOHD. AZIZUL AZMI :** Agrobank

PENJAGAAN KESIHATAN ■ Healthcare

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. TAN SRI DATO' DR. ABU BAKAR SULEIMAN : International Medical University

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. PUAN SRI DATUK DR. SURAIYA HANI HUSSEIN : Malaysian Society for Quality in Health ■ **YBHG. DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR :** KPJ Healthcare Berhad ■ **YBHG. PROF. DATO' DR. SYED MOHAMED AL JUNID :** Pusat Antarabangsa Casemix dan Pengekodan Klinik | International Centre for Casemix and Clinical Coding, Universiti Kebangsaan Malaysia ■ **YBHG. DATO' DR. JACOB THOMAS :** Persatuan Hospital Swasta Malaysia | Association of Private Hospitals of Malaysia ■ **YBHG. PROF. MADYA DR. MUHAMMAD KADAR MARIKAR :** Malaysian Society for Quality in Health ■ **DR. H KRISHNA KUMAR :** Malaysian Medical Association ■ **DR. AHMAD RAZID SALLEH :** Kementerian Kesihatan Malaysia | Ministry of Health Malaysia ■ **EN. RIDUAN ABD RAHMAN :** Lembaga Pembangunan Industri Malaysia | Malaysian Industrial Development Authority ■ **EN. MOHAMAD SABRI AB. RAHMAN :** Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar | Malaysia External Trade Development Corporation

PERKILANGAN ■ Manufacturing

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. DATO' DR. IR. ANDY SEO KIAN HAW : Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia | Federation of Malaysian Manufacturers

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. DATO' DR. ONG ENG LONG : Kossan Rubber Industries Berhad ■ **YBHG. PROF. IR. DR. SHA'RI MOHD YUSOF :** Universiti Teknologi Malaysia | Technological University of Malaysia ■ **EN. MUHAMMAD RAZMAN ABU SAMAH :** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | Ministry of International Trade and Industry ■ **IR. VINCENT CHEN KIM KEONG :** The Institution of Engineers Malaysia ■ **EN. CHOY MING BIL** : Expertise Resource Association ■ **EN. WAN MOHD. NAIM SHUKRI MOHAMED :** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia | Malaysian Trades Union Congress ■ **EN. BASIL SIM :** Spirit Aerosystems Malaysia ■ **EN. SUBRAMANIAM A/L KARUPPAN :** The Electrical and Electronics Association of Malaysia

PEMBINAAN ■ Construction

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. DATUK AG BUHTAMAM AG MAHMUN : Sedafiat Sdn Bhd

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. DATO' HJ. MOKHTAR SAMAD : Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia | Malay Contractors Association Malaysia ■ **YBHG. PROF. MADYA DR. CHOONG KOK KEONG** : Universiti Sains Malaysia ■ **IR. SIEW YAW YEN :** Institut Jurutera Malaysia | Institute of Engineers Malaysia ■ **IR. ELIAS ISMAIL :** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan | Construction Industry Development Board Malaysia ■ **IR. WONG SEE FONG :** *Association of Consulting Engineers Malaysia* ■ **AR. CHAN SEONG AUN :** Persatuan Arkitek Malaysia | Malaysian Institute of Architects ■ **EN. MOHD YAZID KASIM :** Jabatan Perangkaan Malaysia | Department of Statistics Malaysia ■ **EN. LIEW HAU SENG :** IJM Corporation Berhad ■ **EN. MATTEW TEE :** Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia | Master Builders Association Malaysia ■ **EN. AHMAD IZRAM OSMAN :** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia | Fire and Rescue Department of Malaysia ■ **PN. AMINAH ABD. RAHMAN :** Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government

KREATIVITI DAN INOVASI ■ Creativity and Innovation

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. PROF. TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK : Universiti Sains Islam Malaysia | Islamic Science University of Malaysia

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. MOHAMED NAJIB AHMAD DAWA : Kolej Antarabangsa IKIP | IKIP International College ■ **YBHG. TAN SRI DR. KHAIR MOHAMAD YUSOF :** Kementerian Pendidikan Malaysia | Ministry of Education Malaysia ■ **YBHG. DATUK AHMAD SHUKRI TAJUDDIN :** Senai Hi-Tech Park Sdn Bhd ■ **YBHG. PROF. DR. ZAINUL FADZIRUDDIN ZAINUDDIN** : Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia | Malaysia Technology Development Corporation ■ **DR. SIDNEY YEE :** Exploit Technologies Pte Ltd ■ **EN. ZALALUDIN ABDULLAH :** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | Ministry of Science, Technology and Innovation ■ **EN. MUHAMMAD AZIPH DATO' MUSTAPHA :** Yayasan Inovasi Malaysia | Malaysian Foundation for Innovation ■ **EN. MARK ROZARIO :** Agensi Inovasi Malaysia | Malaysia Innovation Agency

KUALITI KEHIDUPAN BEKERJA ■ Quality of Working Life

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. TAN SRI ISMAIL ADAM : Hay Group Sdn Bhd

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. DATUK SERI HJ. SARIPUDDIN HJ. KASIM : Kementerian Sumber Manusia | Ministry of Human Resources ■ **YBHG. DATO' HAFSAH HASHIM :** SME Corporation Malaysia ■ **YBHG. TAN SRI DATO' AZMAN SHAH DATO' SERI HARON :** Persekutuan Majikan-majikan Malaysia | Malaysia Employers Federation ■ **EN. KHOO BOO SENG** : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | Ministry of International Trade and Industry ■ **EN. DAVIES DANAVAINDRAN :** Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia | Federation of Malaysia Manufacturers ■ **PN. LIEW SIEW LEE :** Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Perdana Menteri | Economic Planning Unit, Prime Minister Office

PELANCONGAN ■ Tourism

Pengerusi ■ Chairman

YBHG. TAN SRI DATO' AZMAN SHAH DATO' SERI HARON : Antara Holiday Villas

Ahli-ahli ■ Members

YBHG. TAN SRI DATUK SERI UTAMA WILLIAM CHENG : Malaysia Retailers Association ■ **YBHG. TAN SRI DR. ONG HONG PENG** : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia | Ministry of Tourism and Culture Malaysia ■ **YBHG. DATUK HJ. HAMZAH RAHMAT :** Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia | Malaysian Association of Tour and Travel Agents ■ **YBHG. DATO' ANTHONY K. S. YEO :** Resort World Sdn Bhd ■ **YBHG. DATO' MIRZA MOHAMMAD TAIYAB** : Pelancongan Malaysia | Tourism Malaysia ■ **YBHG. DATO' MOHD. SAHAR DARUSMAN :** Kementerian Sumber Manusia | Ministry of Human Resources ■ **YBHG. PROF. DR. GHAZALI MUSA :** Universiti Malaya | University of Malaya ■ **YBHG. PROF. MADYA ZAFRUL HJ. ISA :** Persatuan Pendidik Pelancongan Malaysia | Tourism Educators Association of Malaysia ■ **IR. PK LEONG** : Persatuan Hotel Bajet Malaysia | Malaysia Budget Hotel Association ■ **EN. SHAHARUDDIN MOHAMAD SAAID :** Malaysia Association of Hotel Owners ■ **EN. CHEW SWEE HEE :** Persatuan Hotel Malaysia | Malaysian Association of Hotels ■ **EN MAZLI MOHAMED** : Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd ■ **EN. JIMMY LEONG WIE KONG** : Malaysian Tourist Guides Council ■ **EN. AHMAD FAIZAL MOHAMED NOOR** : Persatuan Francais Malaysia | Malaysia Franchise Association



Chapter 1



Mewujudkan **Asas yang Kukuh** dan **Persepsi Positif** ke arah Malaysia yang Kompetitif

Creating a Strong Foundation and Positive Perception for a Competitive Malaysia

Tahun 2015 merupakan satu tahun penting bagi Malaysia kerana ia merupakan fasa terakhir bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10: 2011-2015) dan permulaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11: 2016-2020) yang bertujuan ke arah pembangunan inklusif modal insan. RMK-11 adalah perjalanan terakhir ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Sektor Institusi Pengajian Tinggi, Penjagaan Kesihatan, Teknologi Hijau, Perdagangan dan Pelaburan adalah antara yang dipantau dengan teliti.

Produktiviti dan inovasi dikenal pasti sebagai faktor penting bagi pertumbuhan sektor ekonomi, pemangkin kepada ekuiti pendapatan yang lebih besar di semua peringkat dan lindung nilai yang terbaik terhadap ketidakstabilan ekonomi masa depan. Rangsangan produktiviti dan inovasi akan memberi asas bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan, mewujudkan peluang ekonomi baru dan memastikan kelangsungan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Dalam persekitaran ekonomi global semasa, pertumbuhan produktiviti serta inovasi adalah kunci kepada kemakmuran negara.

LAPORAN DAYA SAING DUNIA

Cabaran Malaysia untuk meningkatkan produktiviti antaranya adalah di dalam bidang pasaran buruh, pasaran dinamik, beban peraturan dan ekosistem inovasi. Penciptaan pekerjaan yang berkualiti rendah, peraturan yang ketat, akses mudah untuk mendapatkan pekerja asing berkemahiran rendah dan perbezaan antara permintaan graduan dan keperluan industri adalah antara punca berlakunya kekurangan potensi modal insan ke arah produktiviti yang lebih tinggi di negara ini.

Ia menunjukkan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, latar belakang sosio-ekonomi dan lokasi geografi, sedang menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Ini dibuktikan dengan penerbitan laporan antarabangsa seperti *Economic Freedom 2015, Global Peace Index 2015* dan *Global Information Technology Report 2015* yang memaparkan banyak faktor yang mempengaruhi peningkatan ekonomi negara.

Di dalam *The Economist Intelligence Unit's 2014 Business Environment Rankings,* Malaysia berada di kalangan 20 teratas bagi destinasi Mesra Pelabur untuk 2014 hingga 2018 dan 25 teratas bagi destinasi pelancong di dalam *Travel and Tourism Competitiveness 2015 Report* oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF).

The year 2015 is a very significant year for Malaysia as it marks the final phase of the Tenth Malaysia Plan (10MP: 2011-2015) and sets the beginning of the Eleventh Malaysia Plan (11MP: 2016-2020), striving towards elevating human capital and inclusive development. The 11MP is the final leg in the journey towards Vision 2020 in uplifting Malaysia as a developed nation. Sectors such as the Higher Education Institute, Healthcare, Green Technology and Trade and Investment are among those closely monitored.

Productivity and innovation are identified as the key factors for economic growth, the catalyst for bigger income equity at all levels and the best hedge against future economic instability. Spurring productivity and innovation will provide the basis for sustained economic growth, create new economic opportunities and ensure continued wellbeing and prosperity of the people. In the current global economic landscape, the growth in productivity and innovation is the key for nation's prosperity.

WORLD COMPETITIVENESS REPORTS

Among the challenges for Malaysia to elevate its productivity are in the labour market, market dynamics, regulatory burden and innovation ecosystem. Job creation of low quality, strict regulation, easy access to source low skilled foreign labour as well as skills mismatch between fresh graduates and the industries are among the causes attributed to the lack of human capital potential in generating higher productivity in the country.

Malaysians from all walks of life regardless of ethnicity, socio-economic background and geographic location are experiencing higher quality of life. This is clearly proven from international reports such as Economic Freedom 2015, Global Peace Index 2015 and Global Information Technology Report 2015 that indicate various factors of the country's economic improvement.

The Economist Intelligence Unit's 2014 Business Environment Rankings has ranked Malaysia among the top 20 countries as Investor-friendly for 2014 until 2018 and top 25 position for tourist destination in the Travel and Tourism Competitiveness 2015 Report by the World Economic Forum (WEF).



Malaysia mencatatkan prestasi yang memberangsangkan kerana kekal dalam kedudukan di kalangan 20 teratas negara paling berdaya saing dalam tiga laporan daya saing antarabangsa.

Malaysia melangkah dua kedudukan lebih baik iaitu di kedudukan ke-18 daripada 140 ekonomi, mengukuhkan kedudukan di kalangan 20 teratas ekonomi yang paling kompetitif di dunia dan kekal di kedudukan tertinggi di kalangan negara-negara membangun di Asia di dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016 yang dikeluarkan oleh WEF. Sementara itu, *World Competitiveness Yearbook* (WCY) 2015 mengiktiraf Malaysia sebagai ekonomi ke-14 paling berdaya saing di kalangan 61 ekonomi oleh *World Competitiveness Center of the Institute for Management Development* (IMD), manakala Laporan *Doing Business 2016* oleh Bank Dunia meletakkan Malaysia di kedudukan ke 18 daripada 189 ekonomi untuk berada dalam10 peratus teratas bagi ekonomi paling mudah menjalankan perniagaan.

JALINAN KERJASAMA DALAM DAYA SAING

Dalam usaha untuk menyerlahkan potensi produktiviti dalam negara, MPC telah bekerjasama dengan kementerian dan agensi untuk meningkatkan daya saing Malaysia. MPC telah mengadakan beberapa sesi pertemuan dengan pelbagai kementerian dan agensi, termasuk komuniti perniagaan dalam usaha meningkatkan kedudukan Malaysia. Antara yang terlibat adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), *Inter Agency Planning Group (IAPG)* dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Hasil daripada kerjasama ini akan disalurkan ke arah penambahbaikan negara yang berterusan.

Inisiatif penambahbaikan dalam daya saing penjagaan kesihatan telah diteruskan dengan memperbaharui dan mengukuhkan program yang sedia ada.

Malaysia has shown an impressive performance in maintaining its position among the top 20 competitive economies in three international competitiveness reports.

Malaysia moves two notches upward, at 18th from 140 economies, strengthening its position among the top 20 competitive economies and retains its top ranking among Asia's developing economies in WEF's Global Competitiveness Report 2015 2016. On the same note, the World Competitiveness Yearbook (WCY) 2015 acknowledges Malaysia at number 14 most competitive out of 61 economies, while the World Bank Doing Business Report 2016 has ranked Malaysia at 18th position out of 189 economies, to be among the top 10% economies most conducive in ease of doing business.

COMPETITIVENESS NETWORKING

In the endeavour to unleash the country's productivity potential, MPC as the lead agency, works closely with ministries and agencies to improve Malaysia's competitiveness. MPC has had engagement sessions with various ministries and agencies, including business communities, to improve Malaysia's ranking. Among those involved are Ministry of Health (MOH), Ministry of Higher Education (MOHE), Inter Agency Planning Group (IAPG) and Multimedia Development Corporation (MDeC). The outcome of these sessions will be chanelled towards continuous improvement for the nation.

MOH is committed to continue with its improvement initiatives in healthcare competitiveness with renewing and strengthening existing programmes.

Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam (PPPA) yang memberi tumpuan kepada Perkhidmatan Kesihatan Primer dan Perkhidmatan Penjagaan Sekunder adalah salah satu program itu di bawah RMK-10 di mana satu latihan analisa pencarian fakta telah dijalankan bagi memastikan negara mencapai kualiti hidup bertaraf negara maju dengan dua bidang keberhasilan utama iaitu Penjagaan Kesihatan Berkualiti dan Gaya Hidup Aktif Sihat. Projek ini mencadangkan kaedah meningkatkan produktiviti dengan lebih efektif dan mengkaji semula pengagihan dan kapasiti Perkhidmatan Kesihatan Primer (klinik) kerana peningkatan input adalah tidak berkadar dengan peningkatan jumlah pesakit jika dibandingkan dengan Perkhidmatan Penjagaan Sekunder (hospital).

The Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 memupuk generasi muda ke arah menjadi pencipta pekerjaan dan bukan pencari kerja sejurus selepas menamatkan pengajian. Selaras dengan ini, KPT bersama-sama MPC memainkan peranan penting dalam memupuk budaya inovatif dan berdaya saing di kalangan generasi muda bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran industri keusahawanan masa kini, melayakkan mereka untuk menjadi pemimpin dan mencabar sempadan global. MPC telah menjalankan Kajian Pendidikan Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia, yang menunjukkan impak Pendidikan Keusahawanan di Malaysia dan laporan tersebut digunakan sebagai rujukan berguna untuk pembuat keputusan dalam perancangan strategik mereka dan memberikan pandangan dalam menggubal dasar-dasar baru.

KAJIAN DAYA SAING PERINGKAT NEGERI

Laporan Daya Saing Malaysia (MCR) 2014-2015 telah memasuki edisi ke-2. MPC telah mengadakan program di semua negeri untuk mengedarkan informasi laporan MCR ini kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bagi mendapatkan maklum balas dan penambahbaikan kepada laporan tersebut. Kajian ini membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti kekuatan dan peluang untuk penambahbaikan dan mengukuhkan prestasi selain menjadi sumber rujukan pihak berkepentingan untuk membangunkan strategi ke arah kemakmuran ekonomi. Ia merupakan satu pengalaman berharga apabila laporan tersebut telah diterima dengan baik oleh pihak UPEN sementara maklum balas yang diberi akan dipertimbangkan dalam proses memperkemaskan edisi ke-3 Laporan MCR 2016-2017.

The Public Sector Productivity Measurement (PPPA) focus on the Primary Health Services and Secondary Health Services is one of the programmes identified under the 10MP where a fact searching exercise has been conducted to ensure that the country has achieved the developed countries quality of life with achievement in two main areas, Quality Healthcare and Healthy Lifestyle. This project proposes a method to raise productivity more effectively and reviews distribution and capacity the Primer Health Services (clinic) as the increase in input does not commensurate with the increase in number of patients compared to the Secondary Health Services (hospital).

The Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 nurtures the young generation to become job creator instead of job seeker post graduation. In this regard, MOHE with MPC assume an important role in fostering innovative and competitive culture among the young generation to equip them in tackling the current entrepreneurial era, to train them in becoming leaders and challenging the global frontier. MPC has undertaken a study on Entrepreneurial Education, throughout the country's higher education institutes, which has revealed the impact of Entrepreneurial Education in Malaysia and the said report can be used a useful reference for decision makers in their strategic planning in drafting new policy.

STATE LEVEL COMPETITIVENESS STUDY

Malaysia Competitiveness Report (MCR) 2014-2015 is in its 2nd edition. MPC has organised programmes in every state and has disseminated MCR to respective State Economic Planning Unit (UPEN) to solicit their feedback as well as further improvement to the said report. This study will facilitate State Governments to identify their strength and opportunities for improvement as well as to improve their performance in addition to becoming source of reference for interested parties to develop strategies for economic prosperity. The report has been well-accepted by UPEN and all constructive feedbacks will be reviewed in the process of refining the 3rd edition of MCR 2016-2017.

PENYEBARAN MAKLUMAT DAYA SAING

Pada tahun 2015, sejumlah 10 siri C*ompetitiveness Champion Programme* telah diadakan untuk menyebarkan maklumat berhubung dengan prestasi daya saing negara, inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, pembangunan ekonomi semasa dan perkongsian amalan terbaik organisasi. Bengkel ini telah diadakan di seluruh negara untuk mengumpul data yang tepat menggambarkan keadaan di Malaysia dan pada masa yang sama menggalakkan pemahaman mengenai kepentingan data yang tepat dan maklumat yang amat penting untuk menghasilkan laporan yang boleh dipercayai. Daripada segi *hard data*, IAPG menyediakan platform untuk semua kementerian berkumpul, berbincang dan meluluskan data yang kemudian, akan dikemukakan kepada IMD untuk menghasilkan laporan *World Competitiveness Yearbook*.

Bagi penyebaran maklumat daya saing yang lebih luas dan berkesan, informasi juga disalurkan kepada orang ramai dan industri melalui penerbitan bercetak dan elektronik menggunakan laman web MPC, media sosial dan penerbitan MPC. Komunikasi melalui media secara aktif digunakan untuk memaklumkan kepada orang ramai dan industri mengenai inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan daya saing.

Pada tahun 2015, Seksyen Daya Saing Global telah menerbitkan 11 penerbitan yang terdiri daripada:

1. *Competitiveness Booklets* (Malaysia dalam *World Competitiveness Yearbook 2015,* Malaysia dalam *Global Competitiveness Report 2015-2016* dan Malaysia dalam Laporan *Doing Business 2016*);
2. *Global Competitiveness Infoline;*
3. Artikel Daya Saing Global; dan
4. Artikel *Bilateral Corporation between NPOs* (BCBN) mengenai *Innovation and Competitiveness Strategies for Enhancing Technological Readiness.*

MISI PEMBELAJARAN

Misi pembelajaran mengenai *Innovation and Competitiveness Strategies for Enhancing Technological Readiness* telah diadakan di Republik China (Taiwan) dianjurkan oleh BCBN di bawah program A*sian Productivity Organisations* (APO). 8 buah organisasi telah berkongsi pemahaman mendalam mengenai kesediaan teknologi dan penandaarasan inisiatif inovasi serta daya saing berkaitan dengan kesediaan teknologi dari Republik China (Taiwan) dan Republik Korea. Program ini menyediakan tapak bagi perbincangan, perkongsian pengetahuan dan pertukaran pengalaman di antara MDeC dan agensi yang berkaitan kesediaan teknologi di sana.

DISSEMINATING COMPETITIVENESS INFORMATION

In 2015, a total of 10 workshop series the Competitiveness Champion Programme was held to disseminate information with participants about the country's competitiveness performance, initiatives carried out by the Government, current economic development and sharing of organisations best practices. The workshop was conducted throughout the country to gather more accurate data describing Malaysia's situation and would promote further understanding on the importance of accuracy of data and information to produce a more reliable report. IAPG has provided the platform to collect hard data, gathering the relevant ministries to discuss and approve the hard data, to be submitted to IMD for the publication of the World Competitiveness Yearbook.

For a wider and more effective dissemination of competitiveness information, information are chanelled to the public and industry through printed and electronic publications using MPC's website, social media and MPC publications. Communications via media relation are actively utilised to inform the public and industry about the Government's initiatives to promote competitiveness.

In 2015, the Global Competitiveness Division of MPC has produced 11 publications comprising:

1. Competitiveness Booklets (Malaysia in the World Competitiveness Yearbook 2015, Global Competitiveness Report 2015-2016 and Doing Business 2016);
2. Global Competitiveness Infoline;
3. Global Competitiveness article; and
4. Article Bilateral Corporation between NPOs (BCBN) on Innovation and Competitiveness Strategies for Enhancing Technological Readiness.

STUDY MISSION

A study mission on Innovation and Competitiveness Strategies for Enhancing Technological Readiness has been held in Taiwan, organised by BCBN, a programme under the Asian Productivity Organisations (APO). 8 organisations have shared their knowledge on technological readiness benchmarking initiative on innovation as well as competitiveness pertaining to technological readiness in Taiwan and Korea. This programme provides the platform for discussion, knowledge sharing and exchange of experience between MDeC and those agencies responsible for technological readiness in Taiwan and Korea respectively.

Chapter

2

Memacu Kecekapan Perniagaan

Driving Business Efficiency



PERATURAN BESTARI

Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) telah memberi mandat kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menjadi peneraju utama dalam membuat kajian semula secara menyeluruh berkaitan peraturan perniagaan dan melaksanakan penambahbaikan proses dan prosedur untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing dengan memberi keutamaan kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Seperti mana dijelaskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP), MPC akan membuat kajian semula dan mensyorkan perubahan kepada peraturan dan polisi sedia ada dengan matlamat untuk menghapuskan atau mengurangkan bebanan peraturan yang tidak perlu untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan.

Pembaharuan pengawalseliaan peraturan di Malaysia perlu dilaksanakan untuk menyokong aspirasi negara menjadi negara maju menjelang 2020 melalui pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. MPC akan terus memperhebatkan inisiatif ini di peringkat kerajaan pesekutuan, dan dalam RMK11, ianya akan diperluaskan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

PRESTASI PELAKSANAAN AMALAN BAIK PERATURAN (GRP)

Dalam menilai beban pematuhan peraturan, semua jenis perundangan yang digunapakai oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga peraturan yang diguna pakai oleh pihak kerajaan tempatan seperti *by-laws*, garis panduan, pekeliling, *codes of conduct*, atau polisi adalah tertakluk kepada kajian semula. Ini merupakan peraturan bertulis yang dicetak dan boleh diakses oleh orang ramai. Walaubagaimanapun peraturan dan syarat-syarat ini dikenakan oleh pihak berkuasa untuk menguatkuasakan peraturan bertulis seperti syarat-syarat yang terkandung dalam lesen, permit, surat persetujuan, pra syarat-syarat yang dikenakan dan perlu dipatuhi oleh perniagaan untuk mendaftar dan pajakan, dan menghadkan persaingan.

Pada tahun 2015, sejumlah 54 cadangan peraturan telah diterima daripada kementerian dan agensi untuk penilaian oleh MPC. Daripada jumlah ini, 28 cadangan peraturan dikenal pasti untuk menjalani proses Analisa Impak Peraturan (RIA).

SMART REGULATION

In the 10MP (2010-2015), MPC has been given the mandate to spearhead a comprehensive review of business regulations and to improve processes and procedures in increasing productivity and competitiveness with priority given to the National Key Economic Areas (NKEAs). As defined in the Economic Transformation Programme (ETP), MPC will review and recommend changes to existing regulations and policies with the aim to remove or reduce unnecessary regulatory burdens to improve the ease of doing business.

Reforming Malaysia's regulatory regime is crucial to support the country's aspiration to become a high-income nation by 2020 through private-sector driven and people-centered growth. MPC will further enhance these initiatives at the Federal level and under the 11MP, the policy will be extended to states and local authority.

THE PERFORMANCE OF GOOD REGULATORY PRACTICE (GRP) IMPLEMENTATION

In assessing regulatory burdens, all types of legislative instruments used by the Federal and State Governments, as well as rules set by Local Governments, such as by-laws, guidelines, circulars, codes of conduct or policies are potentially under review. These are the written regulations which are formally published and generally accessible by everyone. However, rules and dictates imposed by authorities in the enforcement of written regulations such as the conditions contained in licenses, permits, consents, registration requirements and leases impose compliance burdens on businesses and restrict competition.

In 2015, a total of 54 regulatory proposals was received from ministries and agencies for MPC's assessment. Out of this, 28 regulatory proposals were identified for the Regulatory Impact Analysis (RIA) process.

MPC juga menerima 7 Penyata Impak Peraturan (RIS), yang akan dikaji semula dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara (JPNN). Kemajuan keseluruhan pelaksanaan RIA (2014-2015) adalah seperti di Jadual 1.

MPC has received 7 Regulatory Impact Statement (RIS) documents, which will be reviewed and forwarded to the National Development and Planning Committee (NDPC). The overall progress of RIA implementations (2014-2015) is in Table 1.

JADUAL 1 : PELAKSANAAN RIA (2014-2015)
TABLE 1 : RIA IMPLEMENTATIONS (2014-2015)

Aktiviti-Aktiviti | Activities	2014	2015	Jumlah | Total
1. Menjawab pertanyaan | Enquiries attended	53	26	79
2. Penerimaan Borang Pemberitahuan Peraturan | Regulatory Notification Form received	41	54	95
3. Cadangan peraturan yang perlu melalui proses RIA | Proposal undertaking RIA process	28	28	56
4. Khidmat nasihat | Advisory services	16	8	24
5. Bengkel *Hands-on* RIA | Hands-on Workshop on RIA	17	11	28
6. Penyata Impak Peraturan yang diterima | Regulatory Impact Statement (RIS) submission	5	7	12
7. Pendaftaran penyelaras peraturan | Registration of regulatory coordinators	297	22	319
8. Taklimat Pengurusan Atasan | Top Management briefing	8	12	20

RAJAH 1 : PROGRES PELAKSANAAN RIA (2014-2015)
FIGURE 1 : PROGRESS OF RIA IMPLEMENTATION (2014-2015)



MENGURANGKAN BEBAN PERATURAN YANG TIDAK PERLU (RURB)

Peraturan yang dikenakan oleh kerajaan adalah untuk mencapai objektif polisi kebangsaan, dan pihak yang menjalankan perniagaan perlu mematuhinya. Namun begitu timbul kebimbangan, kemungkinan timbulnya beban untuk mematuhi peraturan akan mengakibatkan ketidakcekapan dipihak pelaksana undang-undang, dan ia menjadi "beban peraturan yang tidak perlu". Beban peraturan yang tidak perlu ini tersebar luas apabila peraturan yang dibangunkan atau ditulis tersebut sangat lemah, tidak ditadbir atau tidak dikuat kuasa dengan baik.


Untuk memastikan penilaian beban peraturan yang tidak perlu dilaksanakan secara konsisten dan sistematik, MPC menggunakan pendekatan kajian RURB seperti ditunjukkan di Rajah 2.

REDUCING UNNECESSARY REGULATORY BURDENS (RURB)

Regulatory burdens imposed are deemed necessary for the Government to achieve its national policy objectives and businesses have to comply accordingly. However, concern arises when the burdens necessarily reflect inefficiency in the regulatory regime and point to the existence of 'unnecessary regulatory burdens'. Unnecessary regulatory burdens are prevalent in cases where regulation is poorly designed or written, or not administered or enforced well.

To ensure a consistent and systematic assessment of unnecessary regulatory burdens, MPC has formalized the methodology of the RURB study. The outline of the RURB study is illustrated in Figure 2 below.

RAJAH 2 : METODOLOGI RURB
FIGURE 2 : THE RURB METHODOLOGY



Kajian RURB telah berjaya menghasilkan penjimatan kos operasi. Ia dinilai dengan menggunakan petunjuk nilai penjimatan kos pematuhan. Jumlah penjimatan kos pematuhan untuk tahun 2015 adalah sebanyak RM4 juta. Pecahan mengikut jenis kajian RURB ditunjukkan dalam Jadual 2.

The RURB study has yielded savings in operation cost. It is valued using the compliance cost indicator. The total compliance cost in 2015 was RM4 million. The breakdown according to type of RURB study is shown in Table 2.

JADUAL 2 : IMPAK RURB 2015
TABLE 2 : IMPACT OF RURB IN 2015

Jenis RURB | Type of RURB	Penjimatan Kos Pematuhan | Compliance Cost Savings (RM)
1. Kajian RURB | RURB Study	2.6 juta | million
2. *RURB Fast Track*	0.3 juta | million
3. Penyelesaian RURB | RURB Solutioning	1.1 juta | million

Pendekatan kumpulan fokus dan wawancara telah digunakan dalam kajian ini untuk merekodkan isu-isu yang berkaitan dengan aspek-aspek peraturan. Data kualitatif ini dianalisa bersandarkan prinsipal GRP dan RURB. Sumber bebanan peraturan yang utama (akta, peraturan dan pihak penguatkuasa undang-undang) dikenal pasti dan dikaji untuk membangunkan cadangan yang boleh dilaksanakan.

The focus group approach and interviews are used to capture concerns and issues with regard to regulatory aspect. The qualitative data collected are analysed and guided by the GRP and RURB principles. The feasible options are formulated for each of the regulatory issues. The main sources of the burdens (Acts, Regulations, and enforcing Authorities) are identified and studied to develop the feasible options.

PEMODENAN LESEN PERNIAGAAN

Program Pemodenan Lesen Perniagaan merupakan salah satu daripada inisiatif yang diambil oleh Kumpulan Fokus bagi Perekayasaan Semula Proses Perniagaan (FGBPR) untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian awam dan memudahkan perdagangan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif di negara ini.

Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2012-2020 telah diluluskan bertujuan untuk memacu transformasi PKS dalam menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Bagi merealisasikan Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini dengan jayanya, beberapa projek berimpak tinggi telah dikenal pasti. Antara projek yang telah dilancarkan adalah Projek *'SME High Impact Programmes* (HIP) 1'.

MODERNISING BUSINESS LICENSING

The Modernising Business Licensing (MBL) Programme is one of the initiatives undertaken by the Focus Group on Business Process Re-engineering (FGBPR) to increase efficiency in the public service delivery system and to facilitate trade towards providing more conducive and competitive business environment in the country.

The Master Plan for Small and Medium Enterprises (SMEs) 2012-2020 is intended to drive SMEs transformation in supporting Malaysia's aspiration to become a high income nation by 2020.

Several high impact projects have been identified to ensure the success of the said Master Plan. Among the projects launched is SME High Impact Programmes (HIP) 1.

Projek ini diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan disokong oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bagi membangunkan B*usiness Licensing Electronic Support System* (BLESS) bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang merupakan peneraju pendaftaran perniagaan, Jabatan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merupakan agensi pelesenan di peringkat negeri, serta MPC sebagai agensi yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti *Business Process Reengineering* (BPR) di peringkat negeri dan kerajaan tempatan.

Projek SME HIP 1 adalah integrasi pendaftaran dan pelesenan perniagaan bagi meningkatkan kemudahan untuk menjalankan perniagaan di Malaysia. Melalui inisiatif Projek SME HIP 1 juga, beberapa siri bengkel telah dijalankan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sejak Ogos sehingga Disember 2015.

Pada peringkat awal pelaksanaan bagi tahun 2015, projek telah dijalankan di semua PBT di negeri-negeri terlibat iaitu Selangor, Johor, Perak serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Hasil daripada sesi perbincangan beberapa siri bengkel ini, penambahbaikan Manual Pelesenan yang telah dimuktamadkan dan telah dicadangkan untuk dilaksanakan oleh PBT terlibat adalah:

a) masa kitaran kerja perlu dikurangkan dengan penambahbaikan sistem kerja, penghapusan aktiviti tiada nilai dan penyeragaman prosedur;

b) penurunan kuasa kepada pelaksana dalam kelulusan serta penambahbaikkan lesen bagi sistem penyampaian yang cepat;

c) mewujudkan borang komposit bagi ketiga-tiga kategori lesen yang dicadangkan;

d) memperkemaskan kolaborasi dan koordinasi bersama agensi teknikal dan pihak berkuasa melesen berkaitan dalam mengurangkan karenah birokrasi;

e) memanjangkan tempoh sah laku lesen kepada 2-5 tahun; dan

f) menambahbaik syarat, peraturan dan garis panduan permohonan serta pematuhan aktiviti penguatkuasaan.

This project is led by the Modernisation Administrative and Management Planning Unit (MAMPU) and supported by the Implementation Coordination Unit (ICU) to develop the Business Licensing Electronic Support System (BLESS) with Companies Commission of Malaysia (SSM), the leading businesses registration body, Local Council Department responsible for local authority (PBT) who is licensing agency at the state level, as well as MPC who is tasked to implement the Business Process Reengineering (BPR) activities at state and PBT levels.

The SME HIP 1 project is the integration of business registration and licensing to facilitate ease of doing business in Malaysia. Through this project initiative, a series of workshop was organised in collaboration with State Secretary office and Local Authority Department (JKT) from August until December 2015.

In 2015, the early stage of implementation of this project was carried out in all PBTs of those involved states, namely, Selangor, Johor, Perak as well as Federal Territories of Kuala Lumpur and Labuan.

The outcome of the workshop sessions has led to improvements in Licensing Manual which has been finalised and suggested for implementation by those PBTs involved:

a) the working cycle time need to be reduced with improvements in the work system, elimination of non-value added activity and standardisation of procedure;

b) delegation of authority to implementer in licence approval and improvement for prompt system delivery;

c) creating composite form for the three proposed licence categories;

d) streamlining the collaboration and coordination between technical agency and related licensing authority in reducing bureaucracy red tape;

e) extending the validity of license to 2-5 years; and

f) improving requirement, regulation and application guideline as well as compliance enforcement activities.

RAJAH 3 : PROJEK SME HIP 1
FIGURE 3 : SME HIP 1 PROJECT

Rundingan dan Pembangunan Manual Pelesenan | Consultancy and Development of Licence Manual

Aktiviti | Activities	Tarikh | Date	Peserta | Participant
Sesi rundingan untuk "Manual Pelesenan Perniagaan PBT" (Siri I dan II) | Consultancy session "Manual Pelesenan Perniagaan" (Series I and II)	Julai | July - Oktober | October 2015	KPKT, MAMPU, MPC dan PBT yang dipilih | and selected PBT
Bengkel Penyelarasan | Standardisation Workshop for "Manual Pelesenan Perniagaan Negeri" (Selangor, Perak, Johor, dan | and Wilayah Persekutuan)	November - Disember | December 2015	PBT Negeri | State PBT, SUK Negeri | State SUK, ICU, PC, KPKT & KWP


Penyeragaman Lesen di PBT | License Standardisation at PBT

Negeri | State	Bil. PBT | No. of PBT	Bil. Lesen (*AS IS*) | No. of Licence (AS IS)	Bil. Lesen (*TO BE*) | No. of Licence (TO BE)
Pahang	11	100	33
Selangor	12	61	36
Perak	15	136	45
Johor	15	181	45
Wilayah Persekutuan	3	28	9
Jumlah | Total	**56**	**506**	**168**

Fasa seterusnya adalah untuk memastikan cadangan ini dilaksanakan oleh semua PBT terlibat sebelum diintegrasikan ke dalam sistem automasi BLESS bagi membolehkan permohonan dan proses kelulusan secara atas talian dapat dijalankan. Perancangan untuk tahun 2016 juga adalah untuk memperluaskan penggunaan Manual Pelesenan ini kepada negeri-negeri yang seterusnya iaitu, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Penang, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak.

The next phase is to ensure that the suggestions will be implemented by all PBTs involved prior to integration into the BLESS automation system that will enable online application and approval process. The plan for 2016 is to expand the usage of the Licensing Manual to the rest of the states, being Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Penang, Kedah, Perlis, Sabah and Sarawak.


RAJAH 4 : PENYELARASAN DAN PENYERAGAMAN INISIATIF DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
FIGURE 4 : STANDARDISATION AND COORDINATION INITIATIVE BY PBT



- Penyelarasan dan penyeragaman inisiatif Negeri | Standardisation and coordination initiave by State (Pahang, Perak, Johor, Selangor dan | and Wilayah)
- Membangunkan Manual Pelesenan Perniagaan PBT | Developed Business Licence Manual

- Fasa pelaksanaan bagi 5 Negeri pertama | Implementation phase for 5 first States
- Meneruskan pembangunan Manual Pelesenan Perniagaan di Negeri lain | Continuation of the Business Licence Manual development in other States (Penang, Kedah, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Sabah dan | and Sarawak)

- Sekurang-kurangnya 2 Negeri akan dipilih sebagai projek perintis BLESS | At least 2 states would be chosen for BLESS pilot project (take-off in May 2016)



PASUKAN PETUGAS KHAS PEMUDAHCARA PERNIAGAAN (PEMUDAH)

Pada 7 Februari 2007, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH telah ditubuhkan. Pasukan yang terdiri daripada 29 orang ahli daripada kalangan individu yang berstatus tinggi daripada sektor swasta dan awam akan melaporkan terus kepada Perdana Menteri. Pada masa ini, PEMUDAH dipengerusikan bersama oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan YBhg. Dato' Saw Choo Boon, Presiden Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM).

THE SPECIAL TASK FORCE TO FACILITATE BUSINESS (PEMUDAH)

On 7th February 2007, The Special Task Force to Facilitate Business or PEMUDAH was established. The Task Force comprising 29 high profile individuals from public and private sectors will report directly to the Prime Minister. PEMUDAH is currently co-chaired by YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Chief Secretary to the Government, and YBhg. Dato' Saw Choo Boon, President of the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM).

Selepas 8 tahun, PEMUDAH, dengan sekretariat ditempatkan di MPC masih kekal relevan dan berubah mengikut peredaran masa dalam menghadapi cabaran untuk meningkatkan daya saing Malaysia. Tidak lagi terhad kepada perkhidmatan awam, pasukan petugas ini telah memperluaskan skop kerjanya untuk merangkumi pendidikan, perundangan, perbankan dan isu-isu jenayah. PEMUDAH merupakan satu platform di mana sektor awam dan swasta bekerjasama melalui Kumpulan Kerja, Pasukan Petugas dan Kumpulan Fokus yang telah ditubuhkan di mana Pengerusi dan ahli-ahli terdiri daripada pemegang berkepentingan daripada sektor awam dan swasta bagi mewujudkan nilai kesegeraan dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Inisiatif ini meningkatkan daya saing Malaysia terutamanya memastikan perniagaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

LAPORAN *EASE OF DOING BUSINESS*

PEMUDAH juga menerajui usaha meningkatkan kedudukan Malaysia dalam laporan tahunan *Doing Business* oleh *World Bank*. Tumpuan utama Laporan *Doing Business* (DB) 2016 oleh *World Bank* adalah kepada kualiti peraturan. Perkembangan baharu tersebut telah mencipta satu keperluan untuk memperluas dan mengemaskini metodologi DB.

Laporan tahun ini memperkenalkan penambahbaikan dalam 5 daripada 10 set indikator DB iaitu Pendaftaran Hartanah, Urusan Permit Pembinaan, Kemudahan Bekalan Elektrik, Penguatkuasaan Kontrak dan Perdagangan Rentas Sempadan. Perubahan tersebut mempunyai dua matlamat utama dan juga merupakan sebahagian daripada usaha yang bermula dalam laporan tahun lalu.

Matlamat utamanya adalah untuk memperluaskan tumpuan set indikator yang mengukur kecekapan urus niaga atau perkhidmatan yang turut merangkumi aspek kualiti perkhidmatan. Matlamat kedua adalah untuk memperluaskan tumpuan set indikator yang mengukur beberapa aspek kualiti peraturan sedia ada untuk turut merangkumi amalan terbaik baharu dalam bidang yang ditambah baik.

PEMUDAH, with MPC as the secretariat, remains relevant after 8 years of its establishment and evolves through time to face challenges in raising Malaysia's competitiveness. The taskforce has gone beyond the public sector; PEMUDAH has expanded its scope of work encompassing education, legal, banking and criminal issues. PEMUDAH is the platform whereby the public and private sectors collaborate via Working Groups, Task Forces and Focus Groups that are established such that the Chairman and the group members consist of stakeholders from the public and private sectors to create a sense of urgency in the quest for a better Government service delivery, improving Malaysia's competitiveness and ensuring that business is conducted more efficiently.

EASE OF DOING BUSINESS REPORT

PEMUDAH also leads the initiative to improve Malaysia's ranking in the annual World Bank Doing Business Report. The main focus of Doing Business (DB) 2016 Report by the World Bank is on quality of regulation. This new development has necessitated to broaden and update the DB methodology.

This year's report has introduced improvement in 5 out of 10 DB sets of indicators, namely Registering Property, Dealing with Construction Permits, Getting Electricity, Enforcing Contract and Trading Across Border. The changes have two main objectives and are also continuity from previous year's report.

Its primary objective is to expand the focus of indicator set that measure business or service efficiency including aspect of quality of service. The second objective is to expand the focus of indicator set that measure several aspects of existing quality of regulation to include latest best practices in the improved area.

Berdasarkan pengukuran ditambah baik oleh Bank Dunia yang menumpukan kepada kualiti dan kecekapan kawal selia, Malaysia berada di kedudukan ke-18 daripada 189 ekonomi, bersama-sama 10 peratus negara teratas paling mudah menjalankan perniagaan.

Pada kedudukan ke-18 daripada 189 negara dalam DB 2016, Malaysia mendahului negara seperti Switzerland (ke-26), Perancis (ke-27), Belanda (ke-28), Emiriah Arab Bersatu (ke-31), Jepun (ke-34), Thailand (ke-49), China (ke-84) dan India (ke-130). Malaysia menduduki tempat kedua di kalangan negara ASEAN selepas Singapura.

Jarak dengan Negara Peneraju (DTF) merupakan penambahbaikan utama kepada laporan DB yang diperkenalkan tahun lepas terus diberi penekanan. Skor DTF menunjukkan jurang antara prestasi sesebuah negara dan ukuran amalan terbaik merentas 36 sub-indikator kualiti dan kecekapan, di mana skor 100 adalah peneraju manakala 0 adalah skor paling jauh daripada peneraju. Skor 79.13 merupakan satu peningkatan daripada skor DTF yang disemak semula iaitu 79.08 dalam DB 2015.

Based on the improved measurement by the World Bank emphasising on quality and efficiency of monitoring, Malaysia is ranked at number 18 out of 189 economies, among the top 10% economies with high ease of doing business.

At number 18 from 189 economies in DB 2016, Malaysia is ahead of Switzerland (26th), France (27th), Netherlands (28th), UAE (31st), Japan (34th), Thailand (49th), China (84th) and India (130th). Malaysia is in second place among ASEAN countries behind Singapore.

The Distance to Frontier (DTF) given further emphasis was the key improvement introduced last year in the DB report. The DTF score shows the performance gap of a country and best practice measurement encompassing 36 sub-indicators for quality and efficiency, where 100 is the leader while 0 is the furthermost score from the leader. The score 79.13 is an improvement from the revised DTF score of 79.08 in DB 2015.

JADUAL 3 : SKOR DTF MALAYSIA BAGI INDIKATOR DALAM DB2016
TABLE 3 : MALAYSIA'S DTF SCORE FOR INDICATORS IN DB2016

Penunjuk | Indicators	DB2016 (DTF)	DB2016 (SKOR | SCORE)
Memulakan Perniagaan | Starting a Business	95.34	14
Urusan Permit Pembinaan | Dealing with Construction Permits	81.10	15
Kemudahan Bekalan Elektrik | Getting Electricity	90.05	13
Pendaftaran Hartanah | Registering Property	76.32	38
Kemudahan Kredit | Getting Credit	70.00	28
Melindungi Pelabur Minoriti | Protecting Minority Investors	78.33	04
Pembayaran Cukai | Paying Taxes	84.31	31
Perdagangan Rentas Sempadan | Trading Across Borders	86.74	49
Menguatkuasa Kontrak | Enforcing Contracts	66.61	44
Penyelesaian Insolvensi | Resolving Insolvency	62.49	45

Untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih menarik, PEMUDAH terus bekerjasama dengan Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC), Bank Dunia mengkaji bidang sasaran yang perlu diperbaiki dan melalui kerjasama pihak Kerajaan dan sektor swasta akan terus menambah baik kualiti dan kecekapan peraturan ke arah menjadikan Malaysia negara yang mesra dan mudah menjalankan perniagaan.

PEMUDAH juga terus melaksanakan inisiatif untuk mengukuhkan kemudahan menjalankan perniagaan di dalam negara. Ini termasuk:

a) mengenal pasti ekonomi teratas melaksanakan "jarak dengan negara peneraju" untuk mengkaji amalan terbaik;

b) melibatkan diri dengan kajian responden dan komuniti perniagaan untuk menyebarkan, menjelaskan dan berkongsi metodologi baru yang diperkenalkan oleh bank dunia;

c) bekerjasama dengan IFC, Bank Dunia untuk berkongsi inisiatif Malaysia dan bidang tumpuan untuk penambahbaikan; dan

d) belajar daripada pakar bidang antarabangsa dan tempatan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan peraturan yang memberi kesan kepada masa, kos, kualiti dan penyampaian perkhidmatan.

PEMUDAH continues its collaboration with International Finance Corporation (IFC) in transforming Malaysia into a more attractive investment destination. The World Bank is studying targeted area for improvement and through collaboration with the Government and private sector will ensure the viability of better quality and efficiency towards turning Malaysia as a business friendly country.

PEMUDAH also continues its initiatives to strengthen the ease of doing business in the country. These are:


a) identifying top performing DTF economies to study their best practices;

b) continuing engagement session with respondents, focus groups and business communities to discuss, to learn and and to understand the newly introduced methodology by the World Bank;

c) collaborating with IFC, The World Bank to share Malaysia's initiatives and focus area for improvement; and

d) learning from international and local experts to raise quality and efficiency of regulations that will impact on time, cost, quality and service delivery.

RAJAH 5 : PERBANDINGAN SKOR DTF MALAYSIA BERDASARKAN METODOLOGI LAMA DAN BARU
FIGURE 5 : COMPARISON OF MALAYSIA'S DTF SCORE BASED ON THE OLD AND NEW METHODOLOGY





Chapter 3



Transformasi Pengetahuan ke arah Peningkatan Nilai Tambah

Knowledge Transformation towards Raising Added Value

Pengetahuan berterusan menggalakkan pekerja untuk meningkatkan kompetensi, kemahiran dan pengetahuan dengan menekankan kepada usaha pembelajaran berterusan bagi menggalakkan kreativiti, kualiti dan inovasi. Di MPC, pengetahuan diiktiraf sebagai satu input penting bagi mencapai misi, visi dan objektif organisasi. Bagi mencapai matlamat tersebut, Bahagian Pengurusan Pengetahuan menjalankan aktiviti penyelidikan dan penerbitan untuk kegunaan dalaman dan luaran serta menggalakkan pembangunan pengetahuan selaras dengan keperluan nasional.

Pendekatan holistik Pengurusan Pengetahuan meliputi perkara-perkara:

a) Pengumpulan Pengetahuan; dan
b) Perkongsian Pengetahuan.

PENGUMPULAN PENGETAHUAN

Pengumpulan pengetahuan terdiri daripada penyelidikan dan laporan produktiviti, kajian industri dan pangkalan data yang berkaitan dengan industri di Malaysia.

a) Penyelidikan dan Laporan Produktiviti

Dengan tema "Merentasi Cabaran Sempadan, Memperkasa Rakyat", Laporan Produktiviti 2014/2015 menganalisa prestasi sektor-sektor utama dalam ekonomi Malaysia. Dalam usaha ke arah menjadi pemain utama di peringkat global, Malaysia hendaklah menerima pakai pendekatan yang holistik dan bersepadu untuk meningkatkan produktiviti. Usaha ini memerlukan sokongan padu daripada pelbagai peringkat kerajaan, swasta, organisasi tidak berasaskan keuntungan dan juga rakyat.

b) Kajian Industri

Di dalam usaha bagi menghasilkan projek penyelidikan Produktiviti dan Kualiti (P&Q) yang berimpak besar, MPC telah mengadakan kerjasama strategik bersama lain-lain organisasi yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi memperolehi data statistik terkini, penghasilan input yang lebih mantap dan penyebaran soal selidik industri yang lebih meluas.

Continuous knowledge encourages employees to increase their competency, skill and knowledge with an emphasis on continuous learning effort in fostering creativity, quality and innovation. In MPC, knowledge is recognised as an important input in realising organisational mission, vision and objective. Towards this end, the Knowledge Management Division carries out research and publication activities for internal and external use as well as promotes knowledge development consistent with the national requirement.

The holistic approach by Knowledge Management involves these elements:

a) Compilation of Knowledge; and
b) Sharing of Knowledge.

KNOWLEDGE COMPILATION

Knowledge compilation comprises productivity research and report, industry study and database pertaining to industries in Malaysia.

a) Productivity Research and Report

Themed "Challenging the Frontier, Empowering People", the Productivity Report 2014/2015 analyses performance of Malaysia's main economic sector. In its effort to become the dominant player, Malaysia must adopt a holistic and an integrated approach in raising productivity. This endeavour requires strong support from various level of government, private, non-profit organisation and the people.

b) Industry Study

In the attempt to produce high impact Productivity and Quality (P&Q) research projects, MPC has initiated strategic collaborations with relevant organisations, namely the Department of Statistics Malaysia (DOSM), the Ministry of Agriculture (MOA) and the Ministry of Human Resource (MoHR), to acquire the latest statistical data, to generate more solid input and to disseminate wider industry survey.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2015, 6 penyelidikan pengetahuan dan tanda aras produktiviti berbentuk kajian industri telah berjaya dihasilkan dan telah disalurkan kepada industri samada melalui penerbitan bercetak dan elektronik. Senarai jadual penyelidikan adalah seperti berikut:

In this regard, 6 researches on knowledge and productivity benchmark in the form of industry studies have been produced in 2015 that has then been disseminated to the industry either through printed or electronic publication.

JADUAL 4 : SENARAI PENYELIDIKAN P&Q 2015
TABLE 4 : LIST OF P&Q RESEARCH 2015

Bil. | No.	Judul | Title
1.	*Industry Study on Enhancing Efficiency in the Malaysia Healthcare Services*
2.	*Industry Study on Enhancing Efficiency in the Palm Oil Industry*
3.	*Industry Study on Enhancing Efficiency in the Wholesale and Retail Industry*
4.	*Study on Leveraging of AEC for Productivity and Higher Economic Growth in the E&E, Chemical and M&E*
5.	*The Impact of Ringgit Depreciation on Productivity Performance of the Animal Feed Industry*
6.	*The Impact of Ringgit Depreciation on Productivity Performance of the Fertiliser Industry*

c) Pangkalan Data

Pembangunan Pangkalan Data Produktiviti Industri Malaysia (MIPD) adalah satu platform kepada penggubal dasar, ahli akademik dan industri untuk membuat perbandingan prestasi produktiviti dan Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) pada peringkat industri. Hasil daripada projek ini juga akan membolehkan analisis perbandingan prestasi produktiviti dan TFP secara lebih terperinci dengan membandingkan prestasi di kalangan negara anggota EU-KLEMS dan ASIA-KLEMS selain kepakaran dalam teknik pemodelan yang telah digunakan untuk penganggaran Jadual Input Output (Jadual IO).

PERKONGSIAN PENGETAHUAN

Perkongsian pengetahuan terdiri daripada lawatan dan penulisan amalan terbaik daripada syarikat-syarikat terpilih. Pada tahun 2015, sejumlah 90 peserta telah menyertai 3 lawatan bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi maklumat amalan terbaik organisasi-organisasi yang terpilih. Semua peserta berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat dan kemudiannya menentukan amalan-amalan terbaik yang boleh dilaksanakan di tempat kerja masing-masing.

c) Database

The development of Malaysia Industry Productivity Database (MIPD) is a platform for policy makers, academicians and industries to draw comparison of productivity performance and Total Factor Productivity (TFP) at industry level. This comparison will enable a detail analysis of productivity and TFP performance with that of EU-KLEMS and ASIA-KLEMS member countries' performance in addition to expertise in modelling technique used in the estimation of the Input Output Table (IO Table).

KNOWLEDGE SHARING

Knowledge sharing involves visits and best practices write-up from selected organisations. In 2015, a total of 90 participants has participated in 3 visits with the objective to learn and share best practices information of these organisations. The participants have had the opportunity to observe first hand and then determine which best practices that can be implemented in their respective workplace.

RAJAH 6 : ORGANISASI YANG DIKUNJUNGI DAN TOPIK YANG DISAMPAIKAN
FIGURE 6 : ORGANISATIONS VISITED AND TOPICS PRESENTED



Amalan-amalan terbaik yang telah dikenal pasti daripada ketiga-tiga organisasi ini telah dikumpulkan dan dijadikan penulisan komprehensif untuk rujukan industri dan boleh diakses di laman sesawang utama MPC.

Selain itu, penyebaran amalan terbaik juga turut dilaksanakan melalui artikel-artikel amalan terbaik yang diterbitkan dan dimuat turun ke dalam laman sesawang dan *mobile app* MPC. Usaha-usaha penambahbaikan yang diimplementasikan oleh organisasi-organisasi ini telah berjaya meningkatkan kecekapan kerja dan mengurangkan kos operasi yang boleh dijadikan contoh kejayaan kepada organisasi-organisasi yang lain. Untuk tahun 2015, sebanyak 33 artikel telah dihasilkan bagi berkongsi amalan terbaik melalui pelaksanaan projek Lean dan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (ICC).

MAJLIS PEMANTAUAN PRODUKTIVITI KEBANGSAAN (NOPC)

NOPC adalah sebuah majlis yang ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan projek-projek di bawah model kerjasama strategik dan untuk mengukur impak projek terhadap produktiviti. Majlis ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sejak ditubuhkan pada tahun 2015.

The identified best practices from these three organisations have been compiled and written comprehensively for industry reference and can be accessed at MPC website.

Furthermore, best practices are also disseminated through best practices articles and uploaded into MPC website and mobile application. Improvement initiatives undertaken by those organisations succeeded in increasing their work efficiency and reducing operation cost that can be the benchmarked by other organisations. In 2015, a total of 33 articles was produced to share best practices of Lean and Innovative and Creative Circle (ICC) projects.

NATIONAL OVERSIGHT PRODUCTIVITY COUNCIL (NOPC)

NOPC is a council set up to monitor the implementation of projects under the strategic partnership model and to measure the project's impact on productivity. The Council has met 2 times since its establishment in 2015.

Agensi pelaksana iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, SIRIM, Steinbeis dan PlaTCOM telah melaporkan kemajuan dalam pelaksanaan projek-projek mereka. Kesan daripada pelaksanaan projek intervensi terhadap syarikat-syarikat adalah seperti pengurangan kos melalui penghapusan pembaziran, peningkatan dalam jumlah pengeluaran dan jualan dan keuntungan juga dipantau oleh majlis.

The implementing agencies, namely the Ministry of Higher Education, SIRIM, Steinbeis and PlaTCOM have reported progress in the implementation of their projects. The impact of the intervention project implementation to companies such as reduction of cost through elimination of wastage, increase in total production and sales and profitability are also monitored by the council.

JADUAL 5 : BILANGAN PROJEK/PROGRAM MENGIKUT MODEL KERJASAMA STRATEGIK
TABLE 5 : THE NUMBER OF PROJECTS/PROGRAMMES ACCORDING TO THE MODEL OF STRATEGIC COOPERATION

Model	Prestasi 2015 | Performance 2015
PPRN	298 projek berjaya dipadankan | 298 projects succesfully matched
SIRIM-FRAUNHOFER	150 syarikat diaudit | 150 companies audited
STEINBEIS MALAYSIA	30 projek disiapkan | 30 projects completed
PlaTCOM	• 37 syarikat diterima masuk | 37 companies admitted • 23 pemindahan IP | 23 IP transfers • 2 inovasi dikomersilkan | 2 innovations commercialised

Chapter

4

Melestarikan Organisasi melalui **Kecemerlangan Perniagaan**

Sustaining Organisations through Business Excellence





Rantaian aktiviti Seksyen Kecemerlangan Perniagaan (BE) meliputi pembangunan produk, perkongsian amalan terbaik, latihan dan pembangunan sistem serta program pengiktirafan. Seksyen Kecemerlangan Perniagaan berperanan mengukur tahap prestasi organisasi menggunakan beberapa alatan seperti *Malaysia Business Excellence Framework, Quality Environment* dan Lean *Management*. Pengukuran prestasi dibuat sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan bagi menentukan keberkesanan program intervensi tersebut. Pada 2015, Seksyen Kecemerlangan Perniagaan bertanggungjawab terhadap beberapa program seperti berikut:

Program Pembangunan Kapasiti Pengamal, Penilai dan Perunding

Program pembangunan kapasiti dalam bidang Kecemerlangan Perniagaan adalah direka khusus untuk pengamal, penilai dan perunding di Malaysia. Pada tahun 2015, sebanyak 12 kursus pembangunan kapasiti melibatkan 276 peserta daripada sektor awam dan swasta telah dikendalikan berbanding 9 kursus dan 239 peserta pada tahun 2014. Prestasi 2015 ini menunjukkan peningkatan sebanyak 33.3% dan 15.5% daripada segi bilangan kursus dan penyertaan.

The activity value chain of Business Excellence Section (BE) encompasses product development, sharing of best practices, training and system development as well as recognition programme. The role of BE is to measure organisation's performance level using several tools such as Malaysia Business Excellence Framework, Quality Environment and Lean Management. The performance measurement is carried out before and after intervention initiatives to determine the effectiveness of the intervention programme. In 2015, Business Excellence Section has conducted the following programmes:

Capacity Development Programme Practitioners, Assessors and Consultants (PAC)

The capacity development programme in Business Excellence field is specifically designed for practitioners, assessors and consultants in Malaysia. In 2015, 12 capacity development courses involving 276 participants from public and private sectors were organised, compared to 9 courses and 239 participants in 2014. The 2015 performance shows an increase of 33.3% and 15.5% in terms of number of courses and participation respectively.

JADUAL 6 : BILANGAN PENGAMAL, PENILAI DAN PERUNDING YANG DILATIH
TABLE 6 : NUMBER OF TRAINED PRACTITIONERS, ASSESSORS AND CONSULTANTS

Kursus | Course	2014		2015	
	Bilangan Kursus No. of Course	Bilangan Peserta No. of Participants	Bilangan Kursus No. of Course	Bilangan Peserta No. of Participants
Pengamal | Practitioner	4	118	**5**	**105**
Penilai | Assessor	3	78	**4**	**118**
Perunding | Consultant	2	43	**3**	**53**
Jumlah | Total	**9**	**239**	**12**	**276**

Program Penilaian Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF)

MBEF membolehkan organisasi membuat penilaian tentang tahap prestasi masing-masing dan mengenal pasti ruang-ruang yang boleh ditambah baik untuk mengekalkan kelestarian organisasi.

The Malaysia Business Excellence Framework (MBEF) Assessment Programme

MBEF enables organisations to assess their own performance level and to identify opportunities for improvement to maintain organisational sustainability.

MBEF yang telah dijadikan asas Anugerah Kecemerlangan Industri oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2014 telah dipertingkatkan penggunaannya pada tahun 2015 oleh pelbagai organisasi dan persatuan industri. Sejumlah 64 organisasi telah mengguna pakai rangka kerja ini pada tahun 2015.

MBEF which is the framework for the Industry Excellence Award (AKI) by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) in 2014 has been used extensively by various organisations and industry associations. A total of 64 organisations has adopted the framework in 2015.

JADUAL 7 : PENYERTAAN ORGANISASI DALAM PROGRAM ANUGERAH / PENILAIAN BERASASKAN MBEF PADA TAHUN 2015
TABLE 7 : ORGANISATIONS PARTICIPATION IN MBEF-BASED AWARD/ASSESSMENT PROGRAMME IN 2015

Organisasi/Persatuan Industri | Organisation/Industry Associations	Jumlah Penyertaan | Total Participation
Federation of Malaysian Manufacturers Excellence Award	14
PROTON Business Excellence atau | or *BEX*	30
Lain-lain | Others (*Melaka Chief Minister's Award, Malaysia Franchisor Award*)	20
Jumlah | Total	**64**

Selain itu, pendedahan tentang konsep dan manfaat MBEF juga telah dibuat melalui 3 forum perkongsian amalan terbaik di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Siri forum yang dikenali sebagai BE CEO Forum tersebut telah diadakan pada September dan Oktober 2015 dan telah berjaya menarik lebih daripada 500 peserta.

Moreover, the sharing on MBEF concept and benefits has been conducted at 3 best practices forum in Kuala Lumpur, Kota Kinabalu and Kuching. The forum series known as BE CEO Forum were held in September and October 2015 attracting more than 500 participants.

SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BERKUALITI (*QUALITY ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM*)

Quality Environment Management System atau lebih dikenali sebagai 5S bertujuan untuk menzahirkan persekitaran kerja yang lebih sistematik, bersih dan selamat. Persijilan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti yang dikeluarkan oleh MPC merupakan satu pengiktirafan kepada organisasi tentang tahap pematuhan yang baik terhadap sistem tersebut. Pada tahun 2015 sebanyak 656 organisasi telah mendapat pensijilan QE berbanding 794 pada tahun sebelumnya.

QUALITY ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM (QE)

The Quality Environment Management System or better known as 5S is intended to realise a more systematic, cleaner and safer working environment. The Quality Management Environment System Certification issued by MPC is a recognition given to organisations that have reached a commendable level of compliance to the said system. In 2015, a total of 656 organisations has been certified with QE Certification compared to 794 in the previous year.

JADUAL 8 : BILANGAN PERSIJILAN QE (5S) MENGIKUT SEKTOR/SAIZ INDUSTRI
TABLE 8 : NUMBER OF QE CERTIFICATION (5S) ACCORDING TO SECTOR/SIZE INDUSTRY

Saiz Industri | Industry Size	2013	2014	2015
Multinasional dan Besar | Multinational and Large	137	167	**206**
PKS | SME	75	68	**111**
Sektor Awam | Public Sector	510	559	**339**
Jumlah | Total	722	794	**656**

Selain penambahbaikan ketara dari segi penjimatan masa dan kos yang dipamerkan oleh organisasi yang dipersijilkan, keyakinan pembekal dan pelanggan untuk berurusan dengan organisasi berkenaan juga telah meningkat.

AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI UNIVERSITI AWAM

Sebanyak 7 buah universiti awam telah diaudit pada tahun 2015 untuk menilai tahap kesediaan universiti tersebut mendapatkan status autonomi. Audit telah dijalankan bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap universiti-universiti berikut:

a) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;
b) Universiti Sultan Zainal Abidin;
c) Universiti Malaysia Sabah;
d) Universiti Malaysia Perlis;
e) Universiti Pendidikan Sultan Idris;
f) Universiti Malaysia Kelantan; dan
g) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Universiti–universiti tersebut diaudit menggunakan instrumen yang dikenali sebagai *Code of University Good Governance* (CUGG) dan *University Good Governance Index* (UGGI). Secara umum kedua-dua instrumen tersebut mengukur tahap kesediaan universiti awam ke arah autonomi daripada sudut Tadbir Urus Institusi, Tadbir Urus Kewangan, Tadbir Urus Modal Insan dan Tadbir Urus Akademik.

In addition to significant improvement in terms of time and cost savings shown by certified organisations, the confidence of supplier and customer has also increased when dealing with these organisations.

PUBLIC UNIVERSITY AUTONOMY READINESS AUDIT

A total of 7 public universities was audited in 2015 to assess their level of readiness to obtain the autonomy status. The audit was carried out on behalf of the Ministry of Higher Education involving these universities:

a) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;
b) Universiti Sultan Zainal Abidin;
c) Universiti Malaysia Sabah;
d) Universiti Malaysia Perlis;
e) Universiti Pendidikan Sultan Idris;
f) Universiti Malaysia Kelantan; and
g) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

These universities are audited using instruments, namely the Code of University Good Governance (CUGG) and the University Good Governance Index (UGGI). In general both of the instruments measure the public universities readiness towards autonomy in terms of Institutional Governance, Financial Governance, Human Capital Governance and Academic Governance.

Penerbitan MPC
MPC Publication



Inovasi Enterprais Pemacu **Peningkatan Produktiviti** dan **Inovasi**

Enterprise Innovation Drives Productivity and Innovation



Chapter

5



Pendekatan untuk meningkatkan produktiviti negara telah mensasarkan sektor awam, industri dan perusahaan bagi meneraju inisiatif ini. Produktiviti dan inovasi yang tinggi dan berdaya saing akan dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi mencapai aspirasi negara maju berdasarkan sumber pertumbuhan yang pelbagai dan pengeluaran barangan dan perkhidmatan bernilai tinggi.

PROGRAM INTERVENSI INOVASI ENTERPRAIS (EIIP)

Seksyen Inovasi Enterprais ditubuhkan di MPC sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing enterprais di Malaysia. Usaha ini adalah selaras dengan fungsi MPC sebagai peneraju produktiviti dan inovasi berimpak tinggi dan ianya membantu meningkatkan kecekapan proses dan memperkasakan jalinan kerjasama di antara organisasi serta merangsang budaya perkongsian di kalangan industri.

Objektif keseluruhan Program Intervensi Inovasi Enterprais (EIIP) adalah untuk memacu syarikat dalam meningkatkan kecekapan, pembangunan pengetahuan dan kemahiran, mencipta dan melaksanakan sistem untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing serta perkongsian amalan terbaik di kalangan industri dan masyarakat umum. Peningkatan produktiviti enterprais dibuat melalui program pembangunan kapasiti, program pembangunan sistem serta perkongsian amalan terbaik.

The approach to increase the country's productivity has targeted the public sector, industry and enterprise to spearhead this initiative. A high and competitive productivity and innovation will assist in driving sustainable economic growth to achieve the aspiration of becoming developed economy based on various sources of growth, production of goods and high value services.

ENTERPRISE INNOVATION INTERVENTION PROGRAMME (EIIP)

Enterprise Innovation Division is established in MPC as one of the initiatives to increase enterprise's productivity, innovation, and competitiveness in Malaysia. This initiative is consistent with the function of MPC as the high impact productivity and innovation leader and it supports to raise process efficiency and strengthen collaboration network among organisations as well as inculcate the culture of sharing among industries.

The overall objective of Enterprise Innovation Intervention Programme (EIIP) is to spur organisations in increasing efficiency, developing knowledge and skills, creating and implementing system to increase productivity, innovation and competitiveness as well as best practices among industries and the community in general. The enterprise productivity enhancement is carried out through capacity development programmes, system development programmes as well as sharing of best practices.

RAJAH 7 : PELAN HALA TUJU PROGRAM INTERVENSI INOVASI ENTERPRAIS (EIIP)
FIGURE 7 : ENTERPRISE INNOVATION INTERVENTION PROGRAMME (EIIP) ROADMAP



PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

Program Peningkatan Produktiviti dan Inovasi (P&I) 2015 meliputi program-program yang berkaitan dengan produktiviti dan inovasi ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan enterprais. Organisasi yang menyertai program-program ini diberi bimbingan dan pengetahuan melalui latihan dan pembangunan sistem. Program-program ini telah ditawarkan sepanjang tahun dan juga dilaksanakan berdasarkan permintaan.

CAPACITY DEVELOPMENT PROGRAMME

The Productivity and Innovation Enhancement Programme (P&I) 2015 encompasses programmes pertaining to productivity and innovation towards raising enterprise efficiency and effectiveness. Participating organisations are equipped with guidance and knowledge through training and system development. The programmes are offered throughout the year and are also done on request.

JADUAL 9 : PENCAPAIAN KESELURUHAN PROGRAM PENINGKATAN P&I MENGIKUT IBU PEJABAT DAN WILAYAH 2015
TABLE 9 : THE OVERALL ACHIEVEMENT OF P&I ENHANCEMENT PROGRAMME ACCORDING TO HQ AND REGION 2015

Program dan Pencapaian | Programme and Achievement 2015	
Bilangan Kursus | Number of Courses	405
Bilangan Peserta | Number of Participants	7601
Jumlah Organisasi | Total Organisations	830

Wilayah | Region	Pencapaian | Achievement
Ibu Pejabat | Headquarters	182
Utara | Northern	62
Selatan | Southern	51
Pantai Timur | East Coast	30
Sarawak	48
Sabah	32
Jumlah | Total	**405**

PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM

Program Pembangunan Sistem EIIP merupakan satu pendekatan holistik yang boleh membantu organisasi mengetahui tanda aras bagi mengukur tahap perlaksanaan aktiviti penambahbaikan yang dilaksanakan. Berdasarkan program pembangunan sistem ini juga, organisasi dapat mengetahui tahap pengurusan kualiti berdasarkan beberapa pengukuran seperti diagnostik penilaian kecemerlangan perniagaan dan pengurusan Lean. Organisasi akan mengetahui tahap aktiviti sebelum dan selepas program tersebut tamat.


Faktor penentu kejayaan program ini bergantung kepada penglibatan pihak pengurusan, pembangunan kapasiti dan budaya organisasi yang menjadi asas kecemerlangan program tersebut. Pada tahun 2014 dan 2015, MPC telah dilantik sebagai agensi pelaksana oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di bawah Program Pembangunan Vendor MITI yang telah mengguna pakai kerangka EIIP tersebut dalam melaksanakan langkah intervensi bagi vendor-vendor yang terpilih.

SYSTEM DEVELOPMENT PROGRAMME

The EIIP System Development Programme is a holistic approach that can assist organisations to establish benchmark to measure the level of improvement activities undertaken. The programme also helps organisations to find out the level of quality management based on several measurements such as BE diagnostic assessment and Lean Management. Organisations will be able to gauge the activity level before and after the programme ends.

The critical success factor of this programme depends on the involvement of top management, capacity development and organisational culture that forms the base for the programme excellence. In 2014 and 2015, MPC was appointed as implementing agency by the Malaysian Timber Industrial Board (MTIB) and Ministry of International Trade and Industry (MITI) under the MITI Vendor Development Programme which has adopted EIIP framework to implement intervention steps among selected vendors.

RAJAH 8 : PROGRAM INTERVENSI INOVASI ENTERPRAIS (EIIP)
FIGURE 8 : ENTERPRISE INNOVATION INTERVENTION PROGRAMME (EIIP)



Sepanjang tahun 2015 sejumlah 108 program EIIP dilaksanakan dengan pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan pada awal tahun iaitu 75 program EIIP. Ianya dicapai melalui program seperti Sistem Pengurusan *Lean*, Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) dan Program Kecemerlangan Perniagaan (BE) yang menggunakan rangka kerja EIIP. Prestasi pencapaian keseluruhan program EIIP adalah seperti di Jadual 10.

Throughout 2015, a total of 108 EIIP programmes was carried out achieving beyond the early target set of 75 EIIP programmes. This was done through programmes such as Lean Management System, Quality Environment Practices (5S) and BE Programme that use EIIP framework. The overall performance of the EIIP programme is shown in Table 10.


JADUAL 10 : PRESTASI PENCAPAIAN KESELURUHAN PROGRAM EIIP 2015
TABLE 10 : THE OVERALL PERFORMANCE OF EIIP PROGRAMME 2015

Wilayah | Region	Program Projek Pembangunan Sistem 2015 | System Development Project 2015						Jumlah | Total
	Bidang | Field						
	LEAN	5S	ICC	BEF	ISO	TRIZ	
Ibu Pejabat (HQ)	36	4	-		14	-	-	**54**
Pantai Timur (ECR)	3	7	-		-	-	-	**10**
Utara (NRO)	4	14	1		-	1	3	**23**
Selatan (SRO)	3	8	-		-	-	-	**11**
Sarawak (SKO)	-	2	-		-	-	-	**2**
Sabah (SBO)	1	4	-		2	1	-	**8**
Jumlah | Total	**47**	**39**	**1**		**16**	**2**	**3**	**108**

Selain itu, EIIP merupakan kerangka program menggunakan pengukuran berbentuk kuantitatif dan kualitatif yang dapat menilai tahap kejayaan projek yang dilaksanakan. lanya dibuat melalui pengauditan projek berdasarkan tempoh pelaksanaan di antara 4 hingga 6 bulan. Fasa-fasa dalam sistem ini adalah aktiviti diagnostik (Fasa 1), intervensi (Fasa 2) dan audit penilaian (Fasa 3).

EIIP is also a framework programme that uses quantitative and qualitative measure to assess the success level of project implementation. This is done through audit project based on the implementation period of between 4 to 6 months. The EIIP phases are diagnostic activity (Phase 1), intervention (Phase 2) and assessment audit (Phase 3).

RAJAH 9 : KERANGKA PROGRAM EIIP
FIGURE 9 : EIIP FRAMEWORK PROGRAMME



PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK

a) Kecemerlangan Berpasukan (TE)

TE merupakan acara tahunan MPC yang telah menyediakan platform bagi perkongsian amalan terbaik serta budaya inovasi yang menekankan kepada budaya kerja yang menambah nilai dan menjimatkan kos. Pada tahun 2015, sebanyak 594 kumpulan daripada 850 organisasi telah menyertai Konvensyen TE serta aktiviti Perkongsian Amalan Terbaik.

BEST PRACTICES SHARING

a) Team Excellence (TE)

TE is MPC annual event that provides a platform for sharing of best practices as well as innovation culture that emphasises on value added and cost savings work culture. In 2015, a total of 594 circles from 850 organisations has participated in TE Convention and Best Practices Sharing activities as well.

Daripada jumlah ini, 219 kumpulan daripada 127 organisasi telah bertanding di peringkat kebangsaan yang diadakan semasa *Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition* (APIC) 2015.

Out of this total, 219 circles from 127 organisations have competed at the national level during the Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition (APIC) 2015.

JADUAL 11 : MAKLUMAT KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE APIC 2015
TABLE 11 : INFORMATION ON TEAM EXCELLENCE CONVENTION APIC 2015

Maklumat | Information		Jumlah | Total
Jumlah kumpulan | Total circles	Kumpulan | Circle	219
	Organisasi | Organisation	127
Maklumat kumpulan | ICC information	Bilangan peserta | Number of participants	133
Maklumat pemerhati | Observer information	Bilangan pemerhati | Number of observer	177
Jumlah penjimatan kos | Total cost savings	RM 195.24 juta | million	

Impak daripada pelaksanaan projek TE secara keseluruhannya telah menyumbang kepada proses kerja yang lebih mudah dan efisyen, pengurangan pembaziran, penghapusan aktiviti yang tidak menambah nilai dan pada masa yang sama meningkatkan produktiviti, kualiti dan keselamatan di tempat kerja.

Beberapa platform perkongsian amalan terbaik di peringkat antarabangsa telah disertai oleh kumpulan TE yang mewakili Malaysia pada tahun 2015. Pelbagai anugerah peringkat tertinggi diperolehi di konvensyen yang telah diadakan di Singapura, Republik Korea dan Amerika Syarikat.

Kecemerlangan dan kegemilangan kumpulan-kumpulan yang bertanding di peringkat antarabangsa telah dipamerkan apabila Malaysia memenangi *Edwards Medal Award* di *International Team Excellence Award* (ITEA) anjuran *American Society for Quality* (ASQ), Amerika Syarikat serta beberapa pencapaian tertinggi seperti Anugerah Emas, di *International Convention on Quality Control Circles* (ICQCC) di Republik Korea dan Anugerah Platinum di *International and Exposition Team Excellence* (IETEX) di Singapura.

The impact of TE project implementation in general has contributed to easier and more efficient work process, reduced wastage, elimination of non-value added activities and simultaneously has increased productivity, quality and safety in the work place.

In 2015, TE circles have represented Malaysia in several international platforms for sharing of best practices. Various awards of highest degree were awarded from conventions in Singapore, Korea and the United States.

Among the awards received by the Malaysian circles are the Edwards Medal Award at the International Team Excellence Award (ITEA), organised by the American Society for Quality (ASQ), USA; as well as several highest achievements namely the Gold Award, at the International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) in Korea, and the Platinum Award, at the International and Exposition Team Excellence (IETEX) in Singapore.

b) *Creanova Lean*

MPC menganjurkan Creanova bagi mengeratkan jaringan kerjasama strategik dan kolaborasi di kalangan industri supaya amalan dan budaya Lean akan terus diadaptasi dan ditambah baik secara berterusan. Melalui aktiviti *Creanova Lean* 2015, perkongsian amalan terbaik yang diketengahkan daripada pelbagai sektor swasta dan kerajaan telah memberi pendedahan kepada industri tempatan untuk mendapat maklumat dalam membina budaya dan meningkatkan sinergi inovasi.

Berdasarkan 80 penyertaan pembentangan projek yang diterima pada tahun 2015, MPC telah memilih 19 organisasi untuk berkongsi mengenai projek Lean yang telah dijalankan.

Sejumlah 271 peserta daripada 89 organisasi telah menghadiri *Creanova Lean* yang diadakan di Shah Alam, Selangor. Ianya dianjurkan untuk memaparkan siri kejayaan dan inovasi yang ditonjolkan daripada amalan pengurusan Lean amnya, dalam membantu memaksimumkan nilai pelanggan dalam menambah baik kualiti kerja. Pengurusan Lean digunakan sebagai model penambahbaikan serta dapat menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan pekerja.

b) Lean Creanova

MPC's Creanova programme is intended to strengthen the strategic network and collaboration among industries to encourage Lean practices and culture to be adopted and improved continuously. In Lean Creanova 2015 activities, the sharing of best practices highlighted from various public and government sectors has facilitated the local industries to gain information in developing the culture and increase innovation synergy.

Based on 80 project presentations received in 2015, MPC has chosen 19 organisations to share their completed Lean projects.

A total of 271 participants from 89 organisations has attended Lean Creanova organised in Shah Alam, Selangor. The programme is organised to feature success stories and innovation gained from Lean management which has helped to maximise customer value and raise quality of work in general. Lean management is used as an improvement model to foster creativity and innovation among employees.

JADUAL 12 : PECAHAN PENYERTAAN PESERTA CREANOVA LEAN 2015
TABLE 12 : COMPOSITION OF PARTICIPANTS LEAN CREANOVA 2015

Sektor | Sector	Organisasi | Organisation	Peserta | Participant
Pembuatan (PKS) | Manufacturing (SME)	27	60
Pembuatan | Manufacturing	18	82
Awam (Kerajaan) | Public (Government)	28	83
Pihak Berkuasa Tempatan | Local Authority	4	18
Perkhidmatan | Service		
■ Pendidikan | Education	4	12
■ Kesihatan | Healthcare	6	14
■ Lain-lain | Others	2	2
Jumlah | Total	**89**	**271**



Chapter 6



Pengurusan **Sumber Manusia** dan **Organisasi**

Human Resource and Organisation Management


PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kejayaan MPC terletak pada aset utamanya iaitu keupayaan sumber manusia yang perlu diurus serta dibangunkan secara strategik agar matlamat MPC tercapai selaras dengan aspirasi negara. Pada 2015, MPC telah melaksanakan penstrukturan semula dengan mewujudkan 180 jawatan dan memansuhkan 168 jawatan pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan secara *zero-based*. Keseluruhan Perjawatan MPC adalah sebanyak 350 berbanding sebelum ini iaitu 338.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT AND DEVELOPMENT (HRMD)

The success of MPC is dependent on its key asset being human resource capabilities which need to be managed and developed strategically to achieve the objectives of MPC in line with the nation's aspiration. In 2015, MPC implemented its organisational restructuring by creating 180 posts and abolished 168 posts of various schemes and post grade on zero-based approcach. MPC's overall number of total posts is 350 compared to 338 previously.

RAJAH 10 : JUMLAH PERJAWATAN DI MPC BAGI TAHUN 2015
FIGURE 10 : TOTAL POSTS IN MPC FOR 2015




PENSTRUKTURAN SEMULA

MPC telah melalui proses penstrukturan semula pada tahun 2015 yang melibatkan semua warga di ibu pejabat dan juga pejabat-pejabat wilayah. Proses ini dilaksanakan secara berperingkat bermula daripada sesi penerangan dan taklimat kepada warga di awal tahun sehingga penilaian prestasi di akhir tahun.

RESTRUCTURING

MPC has gone through its restructuring process in 2015, involving all staffs in HQ and regional offices. This process was done in stages starting from briefing sessions to the staffs in the beginning of the year until performance evaluation at year end.

RAJAH 11 : PERJALANAN PENSTRUKTURAN SEMULA (JAN-DIS 2015)
FIGURE 11 : RESTRUCTURING JOURNEY (JAN-DEC 2015)



SISTEM e-SPP

Selari dengan pelaksanaan struktur baru MPC yang memberi fokus kepada Pengurusan Projek, Sistem Pengurusan Projek atas talian (e-SPP) telah dibangunkan untuk memantau projek-projek yang dijalankan oleh pegawai bermula daripada perancangan, pengawalan sumber dan kewangan. Pada tahun 2015, sebanyak 670 projek telah didaftarkan dan dipantau oleh Pengurusan Atasan melalui sistem ini.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2015

Pembangunan Modal Insan merupakan teras utama yang sangat penting bagi memenuhi keperluan strategik MPC. Pembangunan Modal Insan yang berterusan mampu meningkatkan kreativiti dan inovasi serta pengetahuan pegawai dan kakitangan MPC, seterusnya melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama.

e-SPP SYSTEM

In parallel with the implementation of MPC new structure which focuses on Project Management, an online Project Management System (e-SPP) has been developed to monitor projects carried out by officers starting from planning, resources and financial control. In 2015, 670 projects were registered and monitored by the Top Management through this system.

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT 2015

Human Capital Development is the key most important thrust to fulfill MPC's strategic requirement. A continuous Human Capital Development enables raising creativity and innovation as well as knowledge of MPC's officers and staff, thereby producing human capital of first class mindset.

Antara program pembangunan modal insan yang dijalankan adalah seperti di Rajah 12.

Among the Human Capital Development programmes conducted are as in Figure 12.

RAJAH 12 : PECAHAN BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2015
FIGURE 12 : COMPOSITION OF HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT PROGRAMMES 2015



Laporan ringkasan warga yang menghadiri kursus pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

A summary report of staff training attendance in 2015 is as follows:

JADUAL 13 : KEHADIRAN KURSUS WARGA PADA 2015
TABLE 13 : STAFF TRAINING ATTENDANCE IN 2015

Bil. | No.	Gred/Kumpulan | Grade/Group	Kursus Pendek | Short Course			Bil. yang Hadir Kursus Panjang >3 Bulan | No. of Attendees >3 Months
		Bil. yang Hadir >7 Hari Setahun | No. of Attendees >7 days per Year	Bil. yang Hadir <7 Hari Setahun | No. of Attendees <7 days per Year	Bil. yang Tidak Berkursus | No. of Non-Participating	
1.	JUSA	6	0	0	0
2.	Pengurusan dan Profesional | Management and Professional	177	9	0	9
3.	Sokongan | Support 1	79	0	0	0
4.	Sokongan | Support 2	23	0	0	0
	Jumlah | Total	**285**	**9**	**0**	**9**

ANUGERAH

Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Khas, Anugerah Konsistensi, Anugerah Khidmat Setia 30 Tahun dan 25 Tahun telah disempurnakan sebagai menghargai warga yang cemerlang dan setia dalam perkhidmatan. Anugerah ini telah diberikan pada Majlis Apresiasi dan Aidilfitri MPC 2015 dan disampaikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Pecahan jumlah penerima mengikut anugerah adalah seperti berikut:

AWARD

The awards consist of Excellence Service Award, Special Award, Consistency Award, Loyalty Service Award of 30 and 25 Years are given out to those staff who have achieved excellent service as well as loyal service. YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister of International Trade and Industry has given away the awards during the "Majlis Apresiasi dan Aidilfitri MPC 2015". The breakdown of award receipients is as follows:

RAJAH 13 : PECAHAN JUMLAH PENERIMA ANUGERAH
FIGURE 13 : BREAKDOWN OF AWARD RECEIPIENTS



BINGKISAN UNTUK WARGA

Unit HRMD MPC telah menerbitkan 3 buah buku panduan bagi kemudahan dan rujukan warga. Senarai penerbitan adalah seperti berikut:

a) Perubahan Minda Menjana Peningkatan Kualiti, Produktiviti dan Inovasi (KPI)
b) Sistem Pengurusan Prestasi dalam Perkhidmatan Awam
c) Buku Panduan Warga Perbadanan Produktiviti Malaysia

MOMENTO FOR STAFF

MPC HRMD Unit has published 3 booklets guide for staff convenience and reference. The list of publications is as follows:

a) "Perubahan Minda Menjana Peningkatan Kualiti, Produktiviti dan Inovasi" (KPI)
b) "Sistem Pengurusan Prestasi dalam Perkhidmatan Awam"
c) "Buku Panduan Warga Perbadanan Produktiviti Malaysia"

AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) MPC telah diwujudkan pada tahun 2013 atas pandangan dan saranan daripada pihak Lembaga Pengarah MPC. Penubuhan UAD MPC juga selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004. UAD diwujudkan adalah sebagai sebahagian daripada komponen kawalan dalaman MPC dan bertanggungjawab terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit MPC.

INTERNAL AUDIT

MPC Internal Audit Unit (UAD) was set up in 2013 based on the view and recommendation that of MPC Board of Directors. MPC's UAD establishment corresponds to the requirement of Treasury Circular No. 9 Year 2004. UAD's set up is as part of MPC's internal control component and is directly responsible to MPC Chairman Audit Committee .

Bidang tugas UAD MPC meliputi semua bahagian, unit dan wilayah MPC. Misi UAD adalah melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta menyediakan laporan yang lengkap dan jelas kepada Lembaga Pengarah bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Objektif UAD MPC adalah menjalankan pengauditan terhadap organisasi melalui pendekatan yang sistematik dan berdisplin dalam menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Secara pentadbirannya, struktur UAD diletakkan di bawah Pejabat Ketua Pengarah. Bagi menjamin kebebasan fungsi audit, UAD melapor terus kepada Jawatankuasa Audit yang mana keahliannya terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. UAD bebas melaksanakan pengauditan berdasarkan Rancangan Audit Tahunan yang diluluskan dan seterusnya membentangkan laporan audit dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Laporan Audit turut dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

UAD MPC scope of work encompasses all divisions, units and regions of MPC. UAD's mission is to implement a professional and independent auditing as well as to prepare a detail and clear report to the Board of Directors to raise organisational excellence.

The objective of UAD MPC is to conduct audit on organisation via a systematic and disciplined approach in assessing and determining the effectiveness of all control processes and governance.

The structure of UAD is administratively under the purview of the Director-General Office. In ensuring the independence of its audit function, UAD reports directly to the Audit Committee in which the membership comprises those appointed from among Board of Directors. UAD is empowered to conduct audit based on the approved Annual Audit Plan and then tabled its audit report in the Audit Committee Meeting. The Audit Report is also tabled quarterly during the Board of Directors Meeting.

RAJAH 14 : CARTA STRUKTUR UNIT AUDIT DALAM MPC
FIGURE 14 : STRUCTURE OF MPC INTERNAL UNIT



RAJAH 15 : AHLI JAWATANKUASA AUDIT MPC
FIGURE 15 : MEMBERS OF MPC AUDIT COMMITTEE

Tan Sri Datuk Mustafa Mansur Pengerusi | Chairman Itco Niaga Sdn Bhd	**Dato' Zamzuri Abdul Aziz** Ahli | Member Kementerian Kewangan | Ministry of Finance	**Pn. Zakiah Jaafar** Ahli | Member Unit Perancang Ekonomi | Economic Planning Unit

PROGRAM DAN AKTIVITI

Selaras dengan fungsi dan peranan audit dalam, UAD telah merangka aktiviti pengauditan dan pelaporan yang meliputi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Audit Prestasi, Audit Susulan dan Audit Mengejut.

PROGRAMMES AND ACTIVITIES

In accordance with the function and role of an internal audit, UAD has planned its auditing and reporting activities encompassing Financial Management Audit, Performance Audit, Follow-up Audit and Surprise Audit.

Selain itu, UAD juga menjalankan siasatan atau pengauditan khas berdasarkan aduan-aduan dan arahan Lembaga Pengarah MPC. UAD juga berperanan sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Audit MPC.

a) Audit Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan. Aspek kawalan dalaman yang diberi penekanan untuk membantu mewujudkan budaya kerja yang berasaskan amalan terbaik bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Pengurusan Hasil, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Aset dan Stor, serta Kawalan Harta Modal, Inventori dan Bekalan Pejabat.

b) Audit Prestasi

